


"WAHA! orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu berasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Hujurat, ayat 12



MENELADANI AKHLAK, KEHIDUPAN RASULULLAH DALAM SEGENAP ASPEK

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman

BERAKAS, Sabtu, 13 September. - Untuk meneruskan lagi semarak Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Ceramah Khas Maulidur Rasul bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Timbalan Menteri, Setiausaha - setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, para jemputan khas, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammed Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Muhammad Ishqal Ezairy@Abdul Mateen bin Mohammad Shahrini dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

>> Muka 3

Hayati sirah Rasulullah dalam kehidupan berkeluarga

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

SERDANG, Sabtu, 13 September. - Majlis Ceramah Perdana sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah diadakan oleh Mukim Kota Batu, Mukim Mentiri dan Mukim Serasa dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang.

>> Muka 4



HADIR pada majlis tersebut, para jemputan khas terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, para pegawai, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung berserta ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK).

Usaha memperkukuh agenda WPS

Siaran Akhbar :
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

KUALA LUMPUR, Sabtu, 13 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menyertai Sidang Kemuncak ASEAN Wanita, Keamanan dan Keselamatan (Women, Peace and Security - WPS) 2025 diadakan pada 9 hingga 10 September 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Hadir pada Sidang Kemuncak tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku Pengerusi bagi ASEAN Senior Officials Meeting on Rural Development and Poverty Eradication (SOMRDPE).

>> Muka 5

Perarakan, pertunjukan bunga api warnai Pesta Perayaan Pekan Tutong 2025

Berita : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

TUTONG, Sabtu, 13 September. - Ribuan penduduk serta rakyat bukan saja yang tinggal di Daerah Tutong pada malam ini bersama-sama hadir bagi menyemarakkan lagi Pesta Perayaan Pekan Tutong 2025 yang berlangsung meriah bertempat di Kawasan Jalan Enche Awang dan Jeti Pekan Tutong.

Acara yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bandaran Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong tersebut adalah bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub yang juga selaku Penghulu Mukim Ukong.

Lebih 300 orang peserta terlibat di dalam perarakan yang diadakan di Jalan Enche Awang Pekan Tutong yang mana melibatkan penyertaan pasukan Serunai dan Tambur Jabatan Penjara dan Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Team Kreatif Daerah Tutong serta Gabungan Masyarakat Daerah Tutong iaitu Masyarakat Tutong, Dusun dan Kedayan.

Turut serta ialah Gabungan Masyarakat Iban, Tiong Hwa, Indonesia dan India. Juga tidak ketinggalan menyertai perarakan ialah persatuan silat serta penggiat-penggiat seni dan kebudayaan Daerah Tutong.

>> Muka 5



Berita Utama



MUZAKARAH bersama penduduk Daerah Temburong

Muka 6



MENINGKATKAN minat, kecintaan terhadap Al-Quran

Muka 8



BERI pendedahan asas mengenai bidang arkeologi NBD

Muka 10



KREATIVITI dalam berniaga biskut

Muka 20

Persiapkan barisan huffaz 'purih' bangsa serlahkan syiar Islamiah Brunei

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, puji dan syukur dirafakkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul di Majlis Haflut Takharruj, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah (ITQSHHB) Kali Ke-13 pada pagi ini.

Ucapan setinggi tahniah kepada 27 graduan yang menamatkan pengajian dan akan menerima syahadah Diploma 'Aliyah Qira'at sebagai pengiktirafan dan mercu kejayaan masing-masing. Sesungguhnya pencapaian ini amatlah bermakna sebagai manifestasi hasil ketekunan dan kegigihan para graduan menghargai program pengajian selama tiga tahun.

Kejayaan ini adalah juga berkat iringan doa restu, sokongan padu serta suntikan semangat untuk terus maju jaya semua pihak berkepentingan ke arah mempersiapkan barisan huffaz *purih* bangsa Brunei dalam bersama-sama menanai tanggungjawab fardu kifayah bagi menyerlahkan syiar Islamiah di bumi bertuah Darussalam tercinta ini. Sesungguhnya segala usaha dan pengorbanan semua pihak dalam bersama-sama membentuk sahsiah para graduan adalah seiring dengan hasrat murni kerajaan paduka ayahanda bagi memartabatkan kesucian Al-Quran dan menjadikan negara ini negara Zikir.

Ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala jua semata-mata dipanjatkan doa agar mereka dikurniakan ganjaran yang sebaik-baiknya serta keberkahan kepada Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah, selain modul Quran dan Qira'at, saya mengambil maklum bahawa para graduan juga diberikan pelbagai kemahiran insaniah meliputi kepimpinan, komunikasi, keusahawanan dan kemasyarakatan sebagai menambah nilai khazanah ilmu kehidupan yang bermanfaat. Kurikulum Institut Tahfiz juga akan sentiasa diperkaya menjurus kepada melengkapkan diri para graduan selaku ahli masyarakat terpilih dan serba boleh dalam bersama-sama mendepani asam garam kehidupan era serba mencabar masa kini.

Dalam pada itu, kita juga perlu peka dengan perkembangan kemudahan teknologi digital yang semakin canggih dan maju terutamanya teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence atau AI) yang kini menjadi salah satu 'alat bantu' yang diguna pakai secara meluas dalam pelbagai urusan kehidupan seharian. Namun, di sebalik kepesatan teknologi AI mendominasi setiap aspek kehidupan, kegunaannya perlu terus dikawal dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab agar tidak disalahgunakan atau dipergunakan sebagai alat untuk memanipulasi minda masyarakat.

Dalam hubungan ini, saya sukacita memetik kurnia titah perutusan paduka ayahanda sempena Menyambut Tahun Baharu 1447 Hijrah 1447 baru-baru ini :

"Perkembangan dan kepesatan teknologi menggunakan Artificial Intelligence (AI) adalah seumpama 'Penghijrahan' yang kini kita alami dalam kehidupan seharian.

Meskipun perkara ini diambil positif, namun harus diingat jika AI disalahgunakan oleh mana-mana pihak, ianya boleh menjadi ibarat virus yang merebak secara dalaman yang boleh meracuni pemikiran dan mengelirukan minda kita serta boleh memesongkan akidah seseorang".

Justeru, pada hemat saya pendedahan dan pembelajaran mengenai metodologi dakwah yang terbukti adalah penting untuk terus diperkukuh serta disesuaikan dalam kurikulum ITQSHHB. Harapan kita, graduan lepasan Institut Tahfiz untuk seterusnya mampu mengambil peranan penting selaku generasi penerus kepada pendakwah dan da'ie yang berdaya maju.

Saya menyeru agar usaha untuk memantapkan ilmu masing-masing ke arah menegakkan syiar Islam seiring dengan prinsip Maqasid Syariah yang menyatukan ilmu duniawi dan nilai-nilai ukhrawi hendaklah terus diusahakan dan diperkasakan. Oleh itu, perlu juga disadari peri mustahaknya mempelajari Al-Quran bukan hanya setakat menekuni cara membaca yang betul berserta tajwid, malahan cabang-cabang ilmu relevan berkaitan dengan Al-Quran juga perlu dipelajari bersungguh-sungguh. Antaranya adalah ilmu yang membahaskan kaedah penulisan Al-Quran, iaitu Ilmu Rasmul Qur'an.

Dengan adanya pengajian dan pendedahan berkaitan ilmu-ilmu dimaksudkan, para pelajar berpeluang untuk lebih mendalami ilmu Al-Quran dari pelbagai sudut serta bermanfaat kepada usaha sejagat untuk khususnya memelihara keaslian dan keseragaman bacaan Al-Quran. Pembinaan kemahirannya akan dapat mengelakkan sebarang bentuk



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah Kali Ke-13 Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Rabu, 17 Rabiulawal 1447H bersamaan 10 September 2025M.

perubahan khasnya dalam sebutan tertentu dan kaedah ejaannya.

Perkara ini adalah selaras dengan titah saranan paduka ayahanda pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa bagi Tahun 1446 Hijrah :

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
SEPTEMBER	HARI	RABIULAWAL	IMSAR	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
MASIHI		HIJRAH								
15	ISNIN	22	4.44	4.54	6.11	6.33	12.17	3.20	6.20	7.29
16	SELASA	23	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28
17	RABU	24	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28
18	KHAMIS	25	4.43	4.53	6.11	6.33	12.16	3.20	6.18	7.27
19	JUMAAT	26	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.18	7.27
20	SABTU	27	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.17	7.26
21	AHAD	28	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.26

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN			
Bandar Seri Begawan			
30 24 °C		31 24 °C	
Pekan Bangar			
29 23 °C		29 23 °C	
Pekan Tutong			
30 24 °C		31 24 °C	
Kuala Belait			
29 23 °C		30 23 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 15 SEPTEMBER 2025

Istiqamah, yakin dengan berdoa

APABILA menyebut mengenai kejayaan, ia setentunya diiringi dengan doa, usaha, ikhtiar dan tawakal. Doa adalah rahsia kejayaan kerana doa merupakan senjata terakhir yang mampu membina keyakinan diri dalam mencapai satu matlamat.

Setiap hamba Allah mengharap doaanya sentiasa dimakbulkan. Seseorang yang berdoa perlu tahu adab ketika berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Doa yang terbaik ialah doa yang dilakukan pada setiap masa dalam keadaan tanpa jemu untuk memohon kepada-Nya.

Janganlah timbul perasaan letih atau bosan apabila kita berdoa kerana doa itu mestilah disertakan dengan niat yang tulus ikhlas, bersungguh-sungguh serta yakin doa akan dimakbulkan.

Berdoa bukan sekadar memohon hajat. Ia adalah satu bentuk komunikasi antara hamba dan Penciptanya, satu dialog penuh keikhlasan, kebergantungan, dan harapan. Doa ialah tempat luahan hati yang paling tulus, di mana manusia mengakui kelemahan dirinya dan menyerahkan segalanya kepada Allah yang Maha Berkuasa.

Sehebat apapun kita, janganlah sesekali kita meninggalkan untuk berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana ia adalah satu kesombongan apabila kita tidak berdoa kepada Allah yang Maha Berkuasa.

Antara adab utama dalam berdoa menurut Islam adalah menghadap kiblat saat berdoa menunjukkan kesungguhan dan ketertiban dengan hati yang penuh ikhlas dan harapan.

Kelebihan-kelebihan berdoa ialah dapat mendekatkan diri kepada Allah dan juga memperkuat hubungan spiritual dan meneguhkan iman.

Dalam pada itu juga, berdoa memberikan ketenangan jiwa dan pada masa yang sama membantu mengurangkan stres, kecemasan, dan rasa gelisah, sehingga hati menjadi lebih tenang dan damai.

Berdoa juga meningkatkan keyakinan diri dan juga harapan dan optimism serta ia melatih tentang kesabaran dan keikhlasan.

Justeru itu, setelah segala doa dan usaha yang telah dibuat, kita berserah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan yakin akan permohonan kita dan insyaaAllah, Allah akan memberikan jalan yang terbaik untuk kita.

Sebagai seorang muslim, kita dianjurkan untuk sentiasa berikhtiar sekuat tenaga dan semampunya bagi mencapai matlamat kehidupan.

Oleh itu, marilah kita tingkatkan usaha untuk sentiasa rajin berdoa kepada Allah agar kita dikurniakan kehidupan yang sejahtera dan tenteram. Di samping berdoa, kita hendaklah terus berusaha dan bertawakal kepada Allah pada setiap masa. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MENUNTUT ILMU TANGGUNGJAWAB UTAMA SETIAP MUSLIM



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 September. - Menuntut ilmu sangat penting dalam Islam kerana ia merupakan salah satu tanggungjawab utama setiap Muslim. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, "Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap Muslim," (Hadith riwayat Ibnu Majah) menunjukkan betapa tinggi kedudukan ilmu dalam agama Islam.

Dengan ilmu, seorang Muslim dapat memahami ajaran agama dengan benar, memperbaiki akhlak dan menjalani kehidupan yang berlandaskan syariat. Selain itu, ilmu juga membantu meningkatkan keimanan dan memperkukuh hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh kerana itu, menuntut ilmu bukan sahaja sebagai kewajipan tetapi juga sebagai usaha untuk

mendapatkan keberkatan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Perkara berkenaan antara yang dijelaskan dalam tazkirah bertajuk 'Adab Menuntut Ilmu Dalam Islam' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan Ataci Pelajaran dan Kebudayaan, Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) di Republik Arab Mesir, Awang Haji Mohd.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi sama-sama menyerikan lagi Malam Munajat berkenaan.

Sujairi bin Haji Dollah, yang bersiaran dari Surau Darussalam, Republik Arab Mesir bagi menyerikan Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-198 bersempena Haflut Takharrij Kali Ke-13 ITQSHHB.

Hadir bagi sama-sama menyerikan lagi Malam Munajat berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Acara Malam Munajat berkenaan disemarakkan oleh tenaga akademik dan para graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at ITQSHHB yang bersiaran dari Musolla ITQSHHB sebagai tumpuan utama.

Turut serta, warga kerja Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan para penuntut NBD di Republik Arab Mesir. Juga menyertai, para jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman

masing-masing.

Acara Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Zul Husni bin Haji Sulaiman, dari Musolla ITQSHHB.


Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Awang Ahmad Hamizan @ Ahmad Aliridha bin Haji Laidin, graduan dan penerima biasiswa KHEU. Manakala, Doa Munajat dibacakan oleh Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh, graduan dan penerima biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Selepas tazkirah, diteruskan dengan Selawat Tafrijiyyah daripada para siswa Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at ITQSHHB. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Awang Ahmad Soleh Ibrahim bin Haji Aminorrashid, graduan dan penerima biasiswa KHEU.

Malam Munajat anjuran KHEU bertujuan mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan melalui istighfar, membaca serta menghayati ayat-ayat suci Al-Quran dan merafakkan serta mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada sebarang bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai acara Malam Munajat yang diadakan pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

Meneladani akhlak, kehidupan Rasulullah dalam segenap aspek



>> Muka 1

Ceramah Khas bertajuk 'Rasulullah Qudwah Sepanjang Zaman' disampaikan oleh

penceramah undangan, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran

Haji Sellahuddin.

Antara inti pati ceramah tersebut menekankan Allah Subhanahu Wata'ala telah menyatakan di dalam Al-Quran bahawasanya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memiliki akhlak yang teragung dan pada diri Baginda terdapat ciri teladan yang terbaik untuk dicontohi oleh setiap manusia.

Maka sebagai Umat Islam, kita dituntut untuk meneladani akhlak,

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Ceramah Khas Maulidur Rasul yang telah mengambil tempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM.

Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis seterusnya turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh Pasukan Dikir Jabatan Radio Televisyen Brunei.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti tahunan JPM dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi sama-sama menyemarakkan dan memeriahkan lagi sambutan hari kebesaran Islam di samping meraih syafaat Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Majlis ini dianjurkan oleh Bahagian Keselamatan dan Undang-Undang di JPM.

sifat dan kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam segenap aspek, sama ada dalam urusan ibadah, urusan sosial, kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat.

Menurut beliau lagi, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sahaja merupakan seorang nabi utusan Allah tetapi Baginda adalah sebaik-baik makhluk ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala. Seorang pemimpin yang terbaik, suami yang terbaik, ayah terbaik, sahabat terbaik dan hamba yang terbaik kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai umat Islam, sudah semestinya kita mengenali, mempelajari serta menghayati sirah kehidupan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Barulah dengan mengenali Baginda, kita akan dapat meneladani kehidupan



CERAMAH Khas telah disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.



ANTARA para hadirin yang turut serta mendengarkan Ceramah Khas berkenaan.

38 terima surat lantikan AJKT Masjid Ar-Rahman

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penaung AJKT Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 September. - Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid yang baharu memainkan peranan penting dalam

memastikan pengurusan masjid sentiasa relevan, teratur dan selaras dengan keperluan masyarakat.

Ahli jawatankuasa yang dilantik bukan sahaja bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kebajikan masjid, tetapi juga berperanan memperkasa masjid sebagai pusat perkembangan ilmu, dakwah, serta aktiviti sosial berteraskan syiar Islam.

Sehubungan dengan itu, AJKT Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut mengadakan Majlis Penyerahan Surat Lantikan AJKT Baharu bagi Sesi 2025 hingga 2027 berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyerahkan surat lantikan, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Turut hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, selaku Penaung AJKT Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Tingkat II, Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut, Awang Mohammad Shahdon bin Awang Damit.

Seterusnya, majlis menyaksikan penyerahan Surat Lantikan AJKT baharu bagi sesi 2025 hingga 2027.

Seramai 38 orang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa baharu bagi sesi 2025 hingga 2027.

Dalam kesempatan yang sama, sijil penghargaan turut disampaikan kepada 39 Ahli Jawatankuasa sesi 2023 hingga 2025 sebagai pengiktirafan atas jasa dan sumbangan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan, sebelum diakhiri dengan penyampaian cenderamata dan bacaan Doa Selamat.



BACAAN surah Al-Fatihah oleh Awang Mohammad Shahdon bin Awang Damit.

HAYATI SIRAH RASULULLAH DALAM KEHIDUPAN BERKELUARGA

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



TIMBALAN Mufti Kerajaan menyampaikan Ceramah Perdana sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah berlangsung di Masjid Serdang.

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Masjid Serdang itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Amat, juga Ketua Kampung Subok.

Ceramah Perdana disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan,

Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

Tujuan majlis diadakan sebagai lambang kecintaan selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk terus menghayati sirah Rasulullah dalam kehidupan berkeluarga selaras dengan tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ketua Kampung Subok hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Perdana. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN selaku jemputan khas pada majlis tersebut.

Wasallam, Rasulullah contoh terbaik dalam membentuk sebuah keluarga Sakinah, Mawaddah dan Warahmah dengan menghayati dan mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, majlis juga bertujuan untuk melahirkan generasi keluarga yang positif,

sihat, ceria dan bahagia. Selain itu, setiap keluarga perlu memainkan dan bertanggungjawab masing-masing agar kehidupan sentiasa dirahmati dan diberkati.

Turut hadir pada majlis tersebut, para jemputan khas terdiri daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji

Maidin, Penghulu Mukim Lumapas dan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing; para pegawai, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung berserta ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Muslimah Masjid Sungai Besar.

PERARAKAN, PERTUNJUKAN BUNGA API WARNAI PESTA PERAYAAN PEKAN TUTONG 2025



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong hadir selaku tetamu kehormat di acara tersebut (kiri), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar pesta perayaan berkenaan.

antaranya Tutong Culture Street, Aktiviti Zon Aktif yang mengetengahkan persembahan penggiat-penggiat seni tanah air, jualan bazar dan pada hari kemuncaknya malam ini, Perarakan Pesta Perayaan, Basikal Berhias dan Pertunjukan Bunga Api.

Cuaca yang redup diselangi hujan pada malam tadi tidak mematahkan semangat para

pengunjung yang hadir bagi menyaksikan acara kemuncak iaitu pertunjukan bunga api yang diadakan di kawasan Mercu Tanda Sungai Tutong, sekali gus menjadi simbolik kepada kesyukuran, kegembiraan dan perpaduan masyarakat Daerah Tutong.

Penganjuran Pesta Perayaan Pekan Tutong 2025 bukan sahaja menjadi platform untuk menghargai semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sambutan ini, malah turut memberi ruang kepada penggiat seni tempatan untuk menonjolkan bakat dan kreativiti mereka.

Selain menjadi platform kepada masyarakat untuk menyaksikan persembahan, kebudayaan, pelancongan, sosial kemasyarakatan dan aktiviti

sukarelawan, pesta ini turut membuka peluang ekonomi kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Usaha ini seterusnya diharap dapat merangsang kemajuan Pekan Tutong sebagai pusat perniagaan yang strategik, berdaya maju serta berpotensi menarik lebih ramai pengunjung.

Dengan pelaksanaan program yang menyatukan pelbagai lapisan masyarakat, Pesta Perayaan Pekan Tutong 2025 berjaya menyerlahkan semangat kerjasama, sukarelawan serta kecintaan rakyat Daerah Tutong dalam sama-sama menjayakan sambutan perayaan tahunan negara.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

>> Muka 1 pada 12 September 2025 itu Pesta Perayaan berlangsung selama dua hari yang bermula menyaksikan pelbagai acara dan aktiviti mengambil tempat



Usaha memperkukuh agenda WPS



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi bagi ASEAN SOMRDE hadir pada Sidang Kemuncak tersebut (atas), manakala gambar kanan, sesi bergambar ramai pada sidang berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

>> Muka 1

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Yang Berbahagia Dato' Dr. Maziah Che Yusoff dalam ucapan pembukaan menekankan kepentingan tindakan kolektif antara kerajaan, masyarakat sivil, akademik, belia dan sektor keselamatan untuk membawa perubahan nyata kepada wanita dan kanak-kanak perempuan.

Sidang Kemuncak tersebut turut

menyaksikan pelancaran Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai WPS (NAP WPS 2025-2030) pertama Malaysia yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

Majlis Penutupan Sidang Kemuncak ASEAN WPS 2025 telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail.

Beliau menekankan bahawa agenda WPS merangkumi bukan

sahaja isu konflik, tetapi juga maruah, keselamatan dan ketahanan insan.

Sidang Kemuncak dua hari ini menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dari rantau ASEAN dalam usaha memperkukuh agenda WPS. Perbincangan memberi tumpuan kepada pelaksanaan Rancangan Tindakan Serantau ASEAN mengenai WPS, kepimpinan wanita dalam pencegahan konflik serta cabaran baharu termasuk perubahan iklim dan keselamatan digital.



SIDANG Kemuncak dua hari ini menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dari rantau ASEAN dalam usaha memperkukuh agenda WPS. Perbincangan memberi tumpuan kepada pelaksanaan Rancangan Tindakan Serantau ASEAN mengenai WPS, kepimpinan wanita dalam pencegahan konflik serta cabaran baharu termasuk perubahan iklim dan keselamatan digital.

Muzakarah bersama penduduk Daerah Temburong



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau hadir di Sesi Muzakarah Jabatan Daerah Temburong (kanan dan bawah kanan), manakala gambar atas, Pemangku Pegawai Daerah Temburong semasa menyampaikan ucapannya pada sesi berkenaan.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Alishahrin Haji Mumin

TEMBURONG, Sabtu, 13 September. - Satu Sesi Muzakarah Jabatan Daerah Temburong telah diadakan bersama penduduk Daerah Temburong bertujuan untuk mengongsikan maklumat terkini dan mendapatkan maklumat mengenai isu tenaga elektrik dan perkhidmatan air di daerah ini.

Muzakarah yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar itu dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Dalam Sesi Muzakarah tersebut, para pegawai telah membentangkan perkembangan tenaga elektrik dan perkembangan perkhidmatan air di Daerah Temburong, termasuk perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi menambah baik kualiti serta liputan perkhidmatan.

Penduduk yang hadir turut diberikan peluang untuk mengemukakan soalan, cadangan, serta aduan berkaitan perkhidmatan asas tersebut.

Antara isu yang dibangkitkan termasuk gangguan bekalan tenaga elektrik, voltan elektrik yang tidak stabil serta keperluan penyelenggaraan berjadual yang lebih berkesan.

Majlis seumpama ini merupakan platform penting untuk memperkukuhkan komunikasi dua hala antara pihak kerajaan dan penduduk Daerah Temburong khususnya, sekali gus membantu dalam penambahbaikan berterusan Perkhidmatan Awam demi kesejahteraan masyarakat.

Hadir sama ialah Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Pemangku Ketua-ketua Kampung, ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan kampung dan penduduk Daerah Temburong.



MEMPERKUKUH PENGUASAAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PEMANGKU Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas di Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (kanan), manakala gambar kiri, suasana di salah sebuah petak permainan.

TUTONG, Sabtu, 13 September. - Bagi memupuk minat, meningkatkan kemahiran dan mengukuhkan budaya bertutur dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah Arab, Ma'had Islam Brunei menganjurkan Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) bertempat 'Ke Arah Pelajar Celik Sirah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam' bertempat di sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohammad Noor.

Antara pengisian atur cara termasuk perasmian program, pertandingan mengeja, persembahan tausiyah serta

lawatan ke petak-petak permainan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengetua Ma'had Islam Brunei, Dayang Rozilah binti Haji Mohd. Noor.

Program Hayya Ilal 'Arabiyyah merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pengajian Islam yang

dikendalikan oleh sekolah-sekolah Arab.

Ia bertujuan untuk memperkukuh penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar melalui pendekatan yang menyeronokkan dan interaktif. Program ini juga menjadi platform praktikal bagi pelajar untuk mengaplikasikan bahasa Arab dalam aktiviti kokurikulum, sekali gus

meningkatkan keyakinan diri mereka dalam bertutur dan menggunakan bahasa tersebut secara aktif.

Semoga program seperti ini dapat diteruskan dan diperluaskan ke sekolah-sekolah lain ke arah melahirkan generasi muda yang fasih berbahasa Arab dan celik akan sejarah serta perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

PESTA PELANCONGAN SABRE BRUNEI DILANCARKAN



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pelancaran Pesta Pelancongan Sabre Brunei 2025 (atas kiri), manakala gambar kanan, suasana di pesta tersebut yang telah diadakan di Dewan BRIDEX, Jerudong.



JERUDONG, Sabtu, 13 September. - Sabre Travel Network Brunei Sendirian Berhad hari ini melancarkan Pesta Pelancongan Sabre Brunei 2025 yang diadakan di Dewan BRIDEX, Jerudong.

Pesta pelancongan yang diadakan selama dua hari, bermula hari ini hingga 14 September itu menyediakan tawaran istimewa dari destinasi pelancongan serta hadiah cabutan bertuah bagi orang ramai.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pelancaran tersebut ialah Timbalan Setiausaha

Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar.

Pengurus Besar, Sabre Travel Network Brunei, Awang Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman dalam ucapannya menjelaskan bahawa mereka berbangga dapat meraikan pencapaian besar Pesta Pelancongan Sabre Brunei Edisi Ke-20.

Menurutnya, acara berprestij ini terus menjadi platform penting bagi industri pelancongan dan rekreasi dengan menghimpunkan syarikat penerbangan, agensi

pelancongan, pejabat pelancongan negara, dan penyedia perkhidmatan untuk berinteraksi secara langsung dengan pengguna.

Beliau menambah, pesta tahun ini merupakan pesta yang terbesar dianjurkan, dengan 37 penyertaan dengan 92 reruai. Antara agensi pelancongan yang mengambil bahagian termasuk Al-Hijrah Travel and Tours, Al Kheira Travel & Tours, An-Nur Al-Khayr Travel & Tours, Anthony Tours and Travel, At-Taqwa Travel Tours, Dar El Ehsan Travel, Darussalam Services, Freme Travel Service, Ghufra Travel &

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

Tours, Halim Tours, Ikhlash Global Tours, JJ Tour Service, Pan Bright Travel, Southern Cross Travel, Straits Central Agencies dan Titian Travel & Tours.

Manakala pertubuhan pelancongan kebangsaan yang menyertai pesta tersebut ialah Brunei Tourism Board, Malaysia Tourism Promotion Board, Sabah Tourism Board, Sarawak Tourism Board, Tourism Department, Perbadanan Labuan dan the Tourism Authority of Thailand dan lain-lain.

Sementara itu, penyedia insurans yang mengambil bahagian adalah Takaful Brunei Am, Insurans Islam TAIB dan National Insurance Company Berhad. Turut menyertai, Royal Brunei Airlines, Bank Baiduri, Imagine Sdn. Bhd., Bank Islam Brunei Darussalam, Datastream Digital (DST), Perbadanan TAIB, Standard Chartered Bank, Chik Chik Restaurant, Coffee by 711, Geo Eats, Hart Living, and Qahwa by Taqwa dan The Coffee Bean & Tea Leaf.

Memupuk semangat bekerjasama dalam kalangan Muslimah masjid

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

JANGSAK, Ahad, 14 September. - Sempena memperingati dan meraikan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi, Ahli Jawatankuasa

Muslimah bersama Kelas Muslimah dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SHHB), Kampung Jangsak petang tadi menganjurkan Majlis

Muslimah Berselawat - Sambutan Maulidur Rasul Muslimah Zon 2 bertempat di masjid berkenaan.

Majlis yang dihadiri lebih kurang 150 Muslimah terdiri daripada kumpulan Muslimah dari Masjid Jubli Perak SHHB yang membawakan Dikir Assalamualaika, Dikir Khairuman dipersembahkan oleh Muslimah Masjid Kampung Bunut; manakala Dikir Bisyrin oleh Muslimah Masjid Kampung Bengkurong; sementara Dikir Alhamdu pula dibawakan oleh Muslimah Masjid Kampung Kilanas.

Manakala, Dikir Badat dibawakan oleh Muslimah Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjung

Bunut; sementara Muslimah Az-Zahra Kampung Kiarong pula membawakan tausyeh.

Majlis diakhiri dengan laungan Dikir Asyraqal yang dibawakan oleh kumpulan Muslimah Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Bebatik Kilanas.

Hadir pada majlis berkenaan, Penasihat Muslimah Masjid, Datin Hajah Marian binti Haji Md. Salleh; dan Datin Hajah Zuriah binti Haji Ibrahim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Dayang Hajah Martiniwati binti Haji Umar, diikuti dengan kumpulan Muslimah Masjid yang menyertai majlis berkenaan menyampaikan Dikir Syarafil Anam.

Setelah itu, majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Doa Dikir oleh Dayang Aimi Amalina binti Haji Abdullah, diikuti bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Dayang Nurul Hafizah binti Haji Sarudin.

Dengan berlangsungnya Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berkenaan dihasrat untuk memperingati kelahiran Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, selain mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat bekerjasama dalam menjayakan aktiviti yang berkebakikan.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

"Adalah baik bagi agensi-agensi yang berkaitan memperkemas lagi Garis Panduan yang sedia ada dengan mewujudkan satu akta khas penerbitan, pencetakan dan pemuliaan mushaf Al-Quran bagi Negara Brunei Darussalam akan dapat dimanfaatkan dalam memastikan setiap mushaf yang akan diguna pakai itu memenuhi kaedah Rasam Uthmani yang diiktiraf di peringkat antarabangsa".

Pada hemat saya, di sinilah keperluannya bagi para huffaz hasil keluaran ITQSHHB, khususnya para graduan yang mendalami ilmu Qira'at dan Rasam Uthmani, selaku barisan generasi yang memiliki kelayakan untuk selanjutnya menggalas dan menanai tugas mulia ini. Tanggungjawab seumpamanya adalah relevan kepada usaha sejagat untuk memelihara kemampunan, kehormatan serta keluhuran Kalamullah yang agung.

Atas dasar tersebut, usaha untuk menjaga Al-Quran secara penulisan, penerbitan dan percetakan tidak boleh diambil ringan. Ia perlu diurus secara serius dengan penuh *titih* dan *lutanan* khasnya oleh mereka yang berkemahiran tinggi sebagai tanggungjawab fardu kifayah dan wadah ketaatan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan termasuk merakamkan penghargaan kepada sumbangan dan sokongan berterusan ibu bapa, penjaga, termasuk peranan tenaga pengajar, muallim-muallimah serta seluruh warga ITQSHHB dalam bersama-sama membentuk sahsiah dan jati diri para huffaz.

Ucapan terima kasih juga di atas usaha semua pihak relevan terdiri daripada Ahli Lembaga Institut, Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi serta Jawatankuasa Kerja dalam menjayakan Majlis Hafut Takharuj ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala membalas segala usaha dan bakti semua pihak yang berkenaan dengan balasan yang sebaik-baiknya.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



SEKITAR pada Majlis Muslimah Berselawat - Sambutan Maulidur Rasul Muslimah Zon 2 yang berlangsung di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SHHB).

MENINGKATKAN MINAT, KECINTAAN TERHADAP AL-QURAN



Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Sekolah Al-Falaah, Cawangan Sungai Akar

SUNGAI AKAR, Ahad, 14 September. - Ke arah memupuk semangat minat membaca dalam kalangan para murid dan melatih mereka supaya berani tampil di hadapan orang ramai, Sekolah Al-Falaah, Cawangan Sungai Akar baru-baru ini mengadakan Musabaqah Bercerita Tiga Bahasa dan Pertandingan Hafazan Al-Quran.

Pertandingan berkenaan diadakan di Dewan Auditorium sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Hamzah bin Haji

Sabtu, yang juga menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan.

Bagi Musabaqah Mari Bercerita Tiga Bahasa, ia dibahagikan kepada tiga bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab serta terbahagi kepada tiga kategori, iaitu Kategori 'A' bagi penyertaan Kindergarten 3, manakala Kategori 'B' terbuka untuk murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 3, sementara Kategori 'C' untuk penyertaan murid-murid Tahun 4 hingga Tahun 5.

Manakala Pertandingan Hafazan Al-Quran dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori 'A' untuk murid-murid Kindergarten 3 hingga Tahun 1, sementara

Kategori 'B' bagi penyertaan murid-murid Tahun 2 hingga Tahun 5.

Pertandingan juga bertujuan untuk memberi daya inisiatif murid-murid dalam memahami isi cerita dan berfikir secara kreatif.

Sementara, pertandingan hafazan pula adalah untuk meningkatkan minat dan kecintaan dan penguasaan bacaan terhadap Al-Quran, melahirkan generasi penghafaz Al-Quran, memelihara dan menyebarkan ilmu Al-Quran seterusnya memupuk semangat persaingan sihat dalam kalangan pelajar.

SALAH seorang murid yang menyertai Musabaqah Bercerita Tiga Bahasa dan Pertandingan Hafazan Al-Quran.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima (kiri dan atas).



Taklimat kesihatan tingkatan kesedaran mengenai diabetes

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TEMBURONG, Sabtu, 13 September. - Kira-kira 140 pelajar dari Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong, menghadiri

Taklimat Kesihatan sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2025, bertempat di dewan sekolah berkenaan, di sini.

Atur cara dimulakan dengan taklimat bertajuk 'Pengenalan Kepada Diabetes' yang disampaikan oleh Jururawat Pediatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS),

SN Dayang Liana binti Haji Umar.

Acara kemudiannya diikuti dengan taklimat bertajuk 'Penjagaan Kaki' yang disampaikan oleh Pegawai

Podiatri, Hospital RIPAS, Dayang Nurul Zhafarina binti Haji Abdul Wahab.

Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab dan bergambar ramai.

Juga hadir, para tenaga pengajar dari Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong; serta pegawai dan kakitangan dari Hospital RIPAS.



TAKLIMAT disampaikan oleh Jururawat Pediatrik dan Pegawai Podiatri dari Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (atas), manakala gambar bawah, salah seorang pelajar mengajukan soalan semasa sesi soal jawab.





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Menjadi Pemimpin Muda : Cabaran dan Peluang'. Tarikh Tutup : 17 September 2025
2. 'Akhlaq Rasulullah : Cermin Diri Seorang Mukmin'. Tarikh Tutup : 24 September 2025
3. 'Menjaga hutan, menyelamatkan masa depan'. Tarikh Tutup : 1 Oktober 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PERKUKUHKAN PENGHAYATAN ISLAM DALAM KALANGAN MUALAF



■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BELAIT, Sabtu, 13 September. - Bagi memperkukuh penghayatan beragama serta menzahirkan kecintaan terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Mualaf (Pengupayaan Mualaf) meneruskan lagi Majlis Dikir Rombongan PDI Bersama Mualaf sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam bertempat di Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Pegawai Ugama Kanan, PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Turut hadir ialah para pegawai dan kakitangan daripada Bahagian Kajian dan Penerbitan dan Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, PDI serta ahli-ahli Persatuan Sinar Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Perkembangan Ugama (SkiPPA), PDI, Awangku Abdul Qayum bin Pengiran Bakar.

Diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Meneladani Kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Dayang Siti Ramziah binti Haji Mohamad Ramli.

Antara inti pati tazkirah berkenaan, beliau menekankan bahawa meneladani kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi



PEMANGKU Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah hadir selaku tetamu khas di majlis berkenaan (atas), manakala gambar kiri, ketika berlangsungnya persembahan Dikir Syarafil Anam.

Wasallam merupakan panduan penting dalam membentuk karakter seorang pemimpin yang berakhlak mulia, adil, prihatin dan bijaksana.

Kepimpinan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sahaja relevan pada zaman silam, malah nilai-nilainya kekal sesuai dengan konteks moden termasuk dalam Perkhidmatan Awam.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Syarafil Anam dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara

Brunei Darussalam dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih, PDI, Awang Mohd. Rushdi bin Abdullah Jantan.

Adapun Majlis Dikir Rombongan PDI ini merupakan antara usaha berterusan Bahagian Pembangunan Mualaf dalam membimbing saudara-saudara baharu memperkukuh amalan keagamaan serta memperbanyakkan selawat sebagai manifestasi kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Memupuk, mengeratkan ukhuwah Islamiah dalam kalangan masyarakat



AWANG Muhammad Yasir bin Muhammad Bundan.

BELAIT, Sabtu, 13 September. - Keindahan melafazkan Dikir Syarafil Anam lebih-lebih lagi di bulan Rabiulawal pastinya satu nikmat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat manusia sepanjang zaman sekali gus mengingatkan kita pada bulan ini lahirnya semulia-mulia insan, seagung-agung manusia yang memiliki darjat yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala iaitu Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dengan adanya pelaksanaan majlis-majlis yang penuh kerahmatan seperti Dikir Maulud sememangnya ia dapat memupuk dan mengeratkan lagi ukhuwah Islamiah dalam kalangan masyarakat di semua peringkat umur dan menanamkan nilai keislaman dalam kehidupan seharian.

Perkara berkenaan antara yang diluahkan oleh salah seorang mualaf, Awang Muhammad Yasir bin Muhammad Bundan, 59 tahun, ketika berkesempatan ditemu bual oleh Pelita Brunei semasa berlangsungnya Majlis Dikir Rombongan Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Bersama Mualaf sempena Sambutan

■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, pagi tadi.

"Pastinya, dengan menyertai majlis dikir ini sememangnya ia juga mendidik kami semua khususnya para mualaf untuk terus meningkatkan amalan keagamaan dari hari ke hari antaranya untuk memperbanyakkan selawat dan mengikut sunnah-sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam demi meraih syafaat di kemudian hari.

"Memperbanyakkan selawat adalah salah satu cara untuk menunjukkan rasa cinta dan kasih kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Selawat bukan saja dilafazkan pada waktu tertentu atau pada hari kelahiran Baginda pada bulan Rabiulawal malah disunatkan pada bila-bila masa saja tanpa mengira waktu," tekan beliau yang merupakan seorang mantan guru di Maktab Anthony Abell (AAC), Seria.

Awang Muhammad Yasir yang sudah memeluk agama Islam pada tahun 2016 turut menambah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan pilihan Allah Subhanahu Wata'ala yang paling sempurna yang sememangnya menjadi contoh teladan bagi seluruh umat Islam di dunia ini dan Allah Subhanahu Wata'ala juga telah menurunkan segala peraturan kehidupan meliputi hal ehwal berkeluarga lengkap di dalam kitab suci Al-Quran.

"Oleh itu, alangkah indahnya sesebuah keluarga jika sentiasa berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam meniti liku-liku kehidupan yang penuh cabaran ini," ujarnya.

Luahan kesyukuran turut

dikongsikan oleh salah seorang mualaf sejak tahun 2015, Dayang Nur Batrishia Bashirah binti Muhd. Rejmi, 19 tahun, yang juga menyertai majlis dikir tersebut antaranya berkata majlis berkenaan bukan sahaja mengeratkan silaturahmi sesama umat Islam tetapi juga mengingatkan kita tentang perjuangan, akhlak mulia dan kasih sayang Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang wajar kita contohi dalam kehidupan seharian.

"Saya juga bersyukur sepanjang memeluk Islam begitu banyak kegiatan yang saya sertai yang dikendalikan oleh PDI melalui Bahagian Pembangunan Mualaf (Pengupayaan Mualaf) yang mana salah satunya menerusi Kelas Bimbingan Mualaf yang baru sahaja selesai pada hari Khamis lepas. Bagi saya, banyak ilmu baharu yang saya pelajari selama mengikutinya antaranya seperti mengetahui kisah-kisah nabi dan juga cara-cara pengiraan zakat dan sebagainya," kongsiya yang menetap di Kampung Pandan.



DAYANG Nur Batrishia Bashirah binti Muhd. Rejmi.

Cuaca diramalkan aktif sehingga 18 September ini

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini masih berada di dalam Monsun Barat Daya, yang pada lazimnya akan berterusan sehingga hujung September.

Keadaan cuaca aktif diramalkan berterusan sehingga Khamis, 18 September 2025.

Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan kebanyakan kawasan negara dengan kelajuan angin boleh meningkat sehingga 50 kilometer sejam semasa atau dekat hujan lebat.

Manakala di perairan NBD, keadaan laut pada amnya di paras sedikit dengan ketinggian ombak di antara 0.4 hingga 1.0 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang. Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Sehubungan dengan itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram dan Whatsapp Brunei Weather.

TASKA YSHHB RAIKAN SAMBUTAN MAULUD NABI



Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 September. - Seramai lebih 521 murid dari Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) telah menghadiri Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung dengan penuh keberkatan dan kemeriahan, hari ini.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Penolong Pengetua

Sekolah TASKA YSHHB, Dayang Hajah Ernye Maisurah binti Haji Matdanan.

Antara objektif majlis tersebut diadakan ialah bagi merayakan hari kebesaran Islam dan juga sebagai salah satu aktiviti tahunan kanak-kanak TASKA.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak mengenai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi



LEBIH 521 murid dari Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) menghadiri Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (atas), manakala gambar atas kiri, perarakan berjalan keluar warga TASKA ketika majlis tersebut berlangsung.

Wasallam, termasuk kelahiran dan sifat-sifat mulia Baginda serta memupuk rasa cinta kepada Rasulullah melalui selawat dan penghayatan sunnah Rasulullah.

Majlis turut menyaksikan perarakan berjalan keluar warga TASKA, dimulakan dengan Taman

Asuhan 3, diikuti Taman Asuhan 2, dan diakhiri Taman Asuhan 1. Aktiviti mewarna bertemakan 'Maulud Nabi' turut diadakan di kelas masing-masing selepas waktu rehat.

Melalui penganjuran majlis ini, nilai-nilai sunnah Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam seperti berkasih sayang, bekerjasama dan menghargai sesama insan diterapkan dalam kalangan murid serta seluruh komuniti TASKA. Turut hadir, guru-guru, pembantu guru serta kakitangan TASKA YSHHB.

Beri pendedahan asas mengenai bidang arkeologi NBD

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Muzium-Muzium

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 September. - Seramai 40 pelajar dan empat guru pengiring dari Sekolah Rendah Iqra menyertai Program Kenali Arkeologi anjuran Jabatan Muzium-Muzium melalui Bahagian Arkeologi dan Monumen, hari ini.

Program tahunan berterusan tersebut dikendalikan bersama Bahagian Pembelajaran dan Penerbitan dan diadakan sepanjang bulan September sebagai usaha untuk memperkenalkan bidang arkeologi serta meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya warisan sejarah negara dalam kalangan pelajar sekolah.

Sebanyak tiga sekolah terlibat dalam program ini, yang dijalankan secara bergilir setiap Sabtu sepanjang bulan September 2025. Pada 20 September 2025, seramai 40 pelajar dan lima guru pengiring

daripada DES School, manakala pada 27 September 2025, seramai 40 pelajar dan lima guru pengiring dari Sekolah Riverside Kampung Sungai Matan akan menyertai program ini.

Tujuan diadakan adalah untuk memberi pendedahan asas kepada pelajar mengenai bidang tugas dan tanggungjawab bahagian ini di dalam melaksanakan kerja-kerja penyelidikan seperti kerja-kerja penggalian.

Di samping itu, pelajar juga berpeluang untuk mengenali bidang arkeologi di Negara Brunei Darussalam dengan lebih dekat melalui temuan artifak yang dipamerkan di Pusat Informasi Kota Batu.

Program ini merupakan satu inisiatif pendidikan yang bermanfaat dalam memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah rendah mengenai bidang

arkeologi dan kepentingannya dalam pemeliharaan warisan negara.

Melalui gabungan aktiviti-aktiviti interaktif dan lawatan berpandu, peserta bukan sahaja berpeluang memahami secara langsung proses kerja arkeologi seperti penggalian, klasifikasi dan tafsiran temuan artifak, bahkan dapat menanamkan rasa cinta dan penghargaan terhadap sejarah dan budaya tempatan.

PROGRAM berkenaan diadakan sebagai usaha untuk memperkenalkan bidang arkeologi serta meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya warisan sejarah negara dalam kalangan pelajar sekolah.



Sekolah Fairview sambut Maulidur Rasul



PENGARAH Urusan Sekolah Fairview hadir selaku tetamu kehormat di sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi anjuran Sekolah Fairview.

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Fairview

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 September. - Sempena memperingati hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Sekolah Fairview, baru-baru ini tidak ketinggalan mengadakan sambutan Maulidur

Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Urusan Sekolah Fairview, Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad bin Dato Paduka Matnor.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif Akademik Sekolah Fairview, Datin Paduka Hajah Fatimah binti Dato Paduka Haji Mohd. Husain, serta Pengerusi dan Penolong Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Fairview.

Majlis diadakan untuk menyemai rasa cinta dan kasih sayang kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di samping memberi kefahaman kepada murid tentang sirah dan akhlak Baginda Rasulullah. Seterusnya mengeratkan ukhuwah antara warga sekolah melalui aktiviti kerohanian serta membentuk sahsiah murid berlandaskan ajaran

agama Islam.

Majlis dimulakan dengan sesi bergambar ramai diikuti dengan bacaan Selawat Badriyah dan Thola'al Badru. Seterusnya perarakan beramai-ramai berjalan sepanjang kira-kira 1.2 kilometer melalui jalan sekeliling Kampung Manggis Satu dan sekitarnya.

Suasana perarakan dimeriahkan dengan alunan selawat ke atas Junjungan Nabi kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam daripada murid-murid. Perarakan melibatkan kesemua murid peringkat Kindergarten 1 hingga 3 dan Peringkat Rendah Tahun 1 hingga 6 serta guru-guru Sekolah Fairview.

Setelah selesai perarakan, acara diteruskan dengan perkumpulan ramai di Bilik Ibadat Sekolah Fairview dengan dimulai bacaan Surah Al-Fatihah dan

seterusnya bacaan Sayyidul Istighfar beramai-ramai.

Bacaan Surah Yaa Siin, Dikir Asyraqal dan bacaan Doa Selamat diketuai oleh Guru Ugama Sekolah Fairview, Md. Abdul Aiman bin Abd. Wahab.

Acara ditutup dengan persembahan nyanyian daripada Tahun 4 dengan tajuk lagu 'Kelahiran Nabi dan Assalamu Alayka'.

Sambutan yang diadakan ini diharap dapat menguatkan lagi rasa cinta dan kasih para murid kepada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta memperkukuhkan lagi jati diri murid dengan menanamkan nilai-nilai murni Baginda dalam mengharungi perjalanan kehidupan dan mengambil pedoman daripada peristiwa-peristiwa keagamaan yang berlaku sebagai panduan.

سردار سري

جاوهكن ديري دري بربرورق سغكا

جماعه يغ درحمي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيكنكن كيلمانن كقدن. سسغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيبي الله ﷻ ايت ايله اورغ يغ فالينغ بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغياغي الله ﷻ براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

سسوگكوهن كهيدوفن كيت ددنيا اين هابله سمئارا، سباكاي ثقت فرسيگكهن سيلوم كيت منوجو اخيرة يغ ككل ابادي. مك منفعتكله كهيدوفن ددنيا اين دغن سباك-بايكن، دغن ممقربايكي ديري سرتا منجاوهكن ديري درقد سكل صفة يغ برتنغن دغن اجران اسلام. انتاران صفة يغ دلارغ اوليه اكام كيت يايث بربرورق سغكا.

صفة بربرورق سغكا مروفاكن سالة ساتو قباكيت هاتي يغ ساعث دينجي اوليه الله ﷻ ايت بوكن سهاج مروسقن هوبوغن سسام مانسي، ماله بوليه ممباوا كقد دوسا، فتنه، دان كموركان الله ﷻ سرتا مغقيبكن سيقسان داخيرة كلف. الله ﷻ سورة الحجرات آية ١٢:

تفسيرن:

واهاي اورغ-اورغ يغ برلمان! جاوهيله كبايكن درقد فراسغكا، سسوغكوهن سبهاكين فراسغكا ايت دوسا. دان جاغلله كامو مغيتيف (منجاري-جاري كسافن) اورغ دان جاغلله سبهاكين كامو مغاومقت سبهاكين يغ لاي. ادكه سساورغ درقد كامو سوكن مماكن داكثي سواران يغ تله ماتي؟ مك سوده تننو كامو مراسا جيحيق كقدن. دان بر تقوى له كقد الله. سسوغكوهن الله مها فترما توبه لايكي مها فغاسيه.

جماعه يغ درحمي الله،

بوروق سغكا بوكن ساج مروسقن هوبوغن سسام مانسي، ماله توروت منجادي جالن باكي شيطان منمبولكن فرموسهن، فرججاهن، دان كنجين دالم مشاركت. اي اداله فرمولان كقد كهنجورن اخوه دان هيلغن كبركن دالم هيدوفن برمشاركت.

رسول الله ﷺ برسيدا دالم حديث يغ دروايتكن اوليه امام بخاري، دري ابو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا: **إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ.**

مقصودن:

جاوهيله اوليه كامو فراسغكا، كران فراسغكا ايت اداله سبوهوغ-بوهوغ فركاتان.

جلس له بهاوا بوروق سغكا اداله دلارغ كرس دالم اسلام كران اي موده ممباوا كقد دوستا، قمبروهغن، فتنه دان فرموسهن. كيت سلاكو مسلم واجب مالليه هاتي دغن برسغكا بايك (حسن الظن)، سرت ممستين ستياف معلومات يغ دترما دتافيس ماللوي تباين سيلوم دترما اتو دسيبركن.

جماعه يغ درحمي الله،

كتهويله بهاوا هاتي يغ دكواساي اوليه قباكيت بوروق سغكا دافت دكنالي ماللوي تيك تندا يغ جلس يايث: **فرتام:** دي موده ممبوات انداين نيكايتف تنقا بوقتي، سلالو مليهت كلمهن دان ككورغن اورغ لاي. درقد كبايكن مريك.

كلوا: دي منلق كبايكن سواران، مغاغكف نية بايك سباكاي كيوروقن. لالو ترفردايا دغن ييسين شيطان دان كات-كات يغ ممستكن.

كتيك: هاتي دفنوهي راس جوربكا، سهيلغ منمبولكن فرموسهن دان منجتوسكن فتنه دالم مشاركت.

صفة بربرورق سغكا اين بوكن سهاج ممجه بلهكن فرسوداران بهكن مروتوهكن كفرجايان دان ايكاتن صلة الرحيم دغن كنجين. مك اوتيله هاتي دغن ذكر الله، عمل كبايحقن دان دعاء يغ اخلاص نسجاي هاتي كيت اكن كمبالي تنغ دان دقنوهي كاسيه ساينغ.

جماعه يغ درحمي الله،

اد كلان، سيكف، فرجكافن، اتاو تيغكه لايكو كيت والوفون تيدق دسغهاجن بوليه منمبولكن سغكان بوروق درقد اورغ لاي. فركارا اين بوليه برلاكو دمان-مان سماءا دثقت كرجا، دالم كهيدوفن برجيران بهكن دكالغن اهل كلوارك سنديري.

اوليه ايت، سباكاي اومت اسلام كيت فرلو برسيكاف ييحق دالم مفهادتي سيتواسي اين دان مغميل لغكه يغ فنوه برحكه. انتارا جارا يغ بوليه دعمالكن اوتوق دحياتي ايله:

فرتام: منجاك سيكف دان فرجكافن. سالة ساتو امانه ساورغ مؤمن ايت اداله منجاك سيكاف دان فرجكافن. اسلام ساعث منيتيك برت فركارا يغ بركاين دغن اداب دان اخلاق تراسوق فرجكافن، فربوات يغ دظهيركن دان توتور كات يغ دلفظكن اداله جرمينن اخلاق كفرياديان ساورغ مؤمن.

كلوا: تيدق موده منودوه اتاو برسغكا بوروق ترهادف اورغ لاي. دالم كونتيكس اين اسلام تله مميري فنديوان اوتوق توتونن كيت يايث برسيكاف دغر دغن فنوه تومقوان دان فهمي فكنا سيلوم منيلاي سساورغ.

كتيك: بريينج سجارا حكه دان تربوكا، يايث بريينج دغن مريك يغ برفراسغكا بوروق ترهادف كيت ممبولكن حكه، كصيران دان فنديكن تربوكا اكر فرموان ايت ليه فردوقتيغ دان تيدق منمبولكن كونفليك ليه لنجوت.

كامقت: بايقن دعاء دان توكل كقد الله ﷻ دالم مفهادتي سالة سغكا اتاو فراسغكا اورغ، كيت هندقله سرهكن سكل اوروسن كقد الله ﷻ ماللوي دعاء دان توكل. سوده سنتون، دعاء يغ كيت هاركن اكر هاتي دجرتيهكن، فراسغكا ترهافوس دان اوروسن دفرمودهكن.

جماعه يغ درحمي الله،

اسلام مغاجر كيت سوفاي سنتياس برسغكا بايك. اين كران برسغكا بايك ملاهيركن كداماين، موفوك كاسيه ساينغ، دان ممقركوكوه اخوه اسلاميه سسام كيت. انتارا لغكه-لغكه اوتوق مغهيندري ديري درقد برفراسغكا بوروق ايله:

فرتام: ديدق هاتي دغن برذكر دان مباح القرآن، هاتي يغ سنتياس مغياغي الله ﷻ اكن دجاوهكن درقد نية بوروق ترهادف سسام مانسي.

كلوا: سلالو برسغكا بايك ترهادف اورغ لاي.

كتيك: سبيوقن ديري دغن ممقربايكي ديري سنديري.

كامقت: بردعاء اكر هاتي كيت دجاك اوليه الله ﷻ اكر تيدق موده ترفقاروه دغن ييسين شيطان.

كليم: هيندري مديا سوسيال يغ فنوه دغن سغكان، خير اغين دان تودوهن فلسو. سباليقن، سيمق دان سليديكي ستياف برتا سيلوم ميبياركن.

جماعه يغ درحمي الله،

سسوغكوهن صفة بربرورق سغكا مروفاكن راجون يغ مروسقن هاتي، مروتوهكن فرسوداران سرت مغهينجوركن كهرومين دالم كهيدوفن برمشاركت. اورغ يغ هيدوف دغن فراسان بنجي اكن سنتياس دسلوبوغي كرسهن دان ككليسهن. هاتين تيدق تنغ، فيكيرنن تيدق داماي دان هيدوفن جاوه درقد رحمة دان رضاء الله ﷻ عقيبتن، كاسيه ساينغ اكن ترفوتوس، فرقادوان تركوكات، فرموسهن ترجتوس دان سواسان كهيدوفن منجادي فنوه سغكيتا.

سباليقن، اورغ يغ منجاك هاتي دغن بربايك سغكا، برمعاغن، برلاقغ دادا دان بركاسيه ساينغ اكن هيدوف دغن تنغ دان امان. كهرومين هيدوف تنغ ترفلپهارا، هوبوغن دترما اوليه الله ﷻ كاسيه ساينغ سسام انسان برقمبه دان رحمة الله ﷻ اكن مليقه كاتسن. اوليه ايت، ماريله كيت سام-سام برأوسها ممريسيهكن هاتي دري صفة بوروق سغكا، مندديق جيوا دغن سيكاف بربايك سغكا سرتا ممينا كرجاسام برأساكن كاسيه ساينغ دان فرسوداران. كيت بردعاء كقد الله ﷻ ممريسيهكن هاتي كيت درقد فراسغكا بوروق، منمنكن صفة حسن الظن دان مپلامتنن كيت درقد فتنه دنيا يغ مروسقن، آمين يا رَبُّ الْعَالَمِينَ.

تفسيرن:

سسوغكوهن اورغ-اورغ برلمان ايت برسودارا مك دامايكله انتارا دوا سوارا كامو (يغ برتليغكه) ايت دان بر تقوى له كقد الله ﷻ سوفاي كامو برأوليه رحمة. {سورة الحجرات آية : ١٠}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبِأُفُورِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَاَخْفَاهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kamil! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّي لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
V (IV & V) Sahaja

Kategori:
KA01, E01 & E02 Sahaja – Kod
Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 025 / 2025 –
(SWE).T.VI

Nama Projek:
Menaiktaraf Kolam-Kolam
Rawatan Di Daerah
Brunei-Muara, Tutong Dan
Temburong

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Oktober 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**The Design, Supply, Delivery,
Installation, Integration, Testing,
Training, Commissioning And
Maintenance Of Schools
Network Infrastructure Upgrade
Phase II, Ministry Of Education**

**MOE / LTK / 51 / 2025 / 2026
(ICT-SEPTEMBER-2025)**

The Design, Supply, Delivery,
Installation, Integration, Testing,
Training, Commissioning And
Maintenance Of Schools Network
Infrastructure Upgrade Phase II,
Ministry Of Education.

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND2,005.00

[Bayaran Yuran Tawaran
Sebanyak BND2,000.00 Dan
E-Dokumen Sebanyak BND5.00
Tidak Dikembalikan]

Tarikh Hari Maklumat:
Rabu
1 Oktober 2025

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Isnin
6 Oktober 2025
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
Pembekal-Pembekal Yang
Diluluskan Sahaja

Kategori:
P02 Sahaja

Tarikh Tutup:
Selasa
7 Oktober 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 tang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 035 / 2025

Nama Projek:
Membekal Dan Menghantar 730
Ton Metrik Aluminium Sulphate
Ke Stage 4 Loji Rawatan Air Bukit
Barun, Negara Brunei
Darussalam

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 036 / 2025

Nama Projek:
Membekal Dan Menghantar 730
Ton Metrik Aluminium Sulphate
Ke Stage 5 Loji Rawatan Air Bukit
Barun, Negara Brunei
Darussalam

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 037 / 2025

Nama Projek:
Membekal Dan Menghantar 730
Ton Metrik Aluminium Sulphate
Ke Stage 6 Loji Rawatan Air Bukit
Barun, Negara Brunei
Darussalam

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 038 / 2025

Nama Projek:
Membekal Dan Menghantar 730
Ton Metrik Aluminium Sulphate
Ke Stage 7 Loji Rawatan Air Bukit
Barun, Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-



27 Januari 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan**

Kelas:
(NIL)

Kategori :
[Consultant Sahaja]

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DWS / 35 / 2025

Nama Projek:
Request For Quotation (RFQ)
Perkhidmatan Konsultan Untuk
Kajian Pembekalan Dan Sumber
Air Negara Brunei Darussalam
Sehingga Tahun 2035 Dan
Pemasangan Paip Air Utama Baru
Dari Loji Rawatan Air Layong

Yuran Tawaran :
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 7 Oktober 2025


**JABATAN
PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.10 / ADM

Tajuk Tawaran:
(1) Supply And Installation of Queue
Management System for Lease - 5
Years at Revenue Division Counter,
Level 1, Ministry of Finance and
Economy Building And
(2) Supply And Installation of Queue
Management System With 5 Years
Support at Financial Service Counter,
Level 2, Tower Block, Ministry of
Finance and Economy Building

Tarikh Tutup / Jam:
20 September 2025 – Sabtu (9.00
Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga, Jabatan
Perbendaharaan Tingkat 2, Tower
Block Bangunan Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
22 / SEPT / 2025 / KKBS / PJK /
16.105

Tajuk Tawaran:
General Building Term
Maintenance For A Period Of
Twenty – Four (24) Months For
Program Khidmat Bakti Negara
Training Camp Building, Batu
Apoi, Temburong

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
23 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
23 / SEPT / 2025 / KKBS / PJK /
16.80

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (24 Months) For
Cleaning, Housekeeping And
Upkeeping Works At
Sinarubai Storage Area, Ministry
Of Culture, Youth And Sports,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa
23 September 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
RTB / K / 101 /
25 – 26

Supply and Delivery of
Multicamera Recorder
for Outside Broadcast

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
RTB / K / 102 /
25 - 26

Supply and Delivery
of Beltpack System
(Beltpack, Headset,
and Power Supply)
for Outside Broadcast

Bayaran Yuran:
BND5.00
(bagi satu tajuk dan tidak
dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(jika perlu bagi satu tajuk
dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
1 Oktober 2025,
jam 2.00 Petang


**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
18 / DBP / SH / 2025-2026

Nama Dokumen Sebut Harga:
Tawaran Mencetak Jurnal
(Beriga)

Bilangan Sebut Harga:
19 / DBP / SH / 2025-2026

Nama Dokumen Sebut Harga:
Tawaran Mencetak Majalah
(Naindung)

Bilangan Sebut Harga:
20 / DBP / SH / 2025-2026

Nama Dokumen Sebut Harga:
Tawaran Mencetak Majalah
(Bahana)

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa
23 September 2025

dan dialamatkan kepada:

**Pengerusi,
Jawatankuasa Sebut Harga
Tingkat 4, Bahagian
Pentadbiran dan Kewangan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**





**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Tawaran hendaklah dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil** dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, KSSUP, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam:-

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 21 Oktober 2025.

JPt / TAW / 03 / 2025-2026:
Membekalkan Baja NPK 15:15:15 Sebanyak 3,800 Beg (50kg / Beg) Bagi Bantuan Insentif Jabatan.
(Yuran Tawaran: BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

Website:
<http://www.agriculture.gov.bn>



Tawaran hendaklah dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil** dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, KSSUP, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam:-

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 21 Oktober 2025.

JPt / TAW / 20(A) / 2024-2025:
Membekal Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Bagi Kawasan Dan Bangunan Di Empangan Imang, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Selama 24 Bulan.
(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

Website:
<http://www.agriculture.gov.bn>



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(99) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Pembelian, Pembekalan, Pemasangan Dan Penyelenggaraan CCTV Jabatan Penerangan

Yuran:
Dikenakan Bayaran Sebanyak BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
18 September 2025,
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 55 / BPPK / 15

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Kontrak Penggal Bagi Pengurusan Dan Pembersihan Tandas Awam Bagi Tempoh Dua (02) Tahun Di Bawah Kawalan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis,
18 September 2025
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari :
Bahagian Pemuliharaan Dan Kenderaan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Di Tingkat 2, Bangunan Pejabat Unit Khidmat Bantu Dan Pemeliharaan, Spg 594, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / DITU / TA / 04

Pembelian Dan Pemasangan 'CAT6A Network Points' Untuk Kementerian Pertahanan Dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan).

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa 14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tawaran:
JPI / 01 / 2025(R)
To Conduct Carrying Capacity Assessment For Sustainable Aquaculture At Current Fish Cage Culture Inshore Sites, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 2 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas
III, IV atau V

Kategori
KPB12

Tarikh Tutup Pada:
Selasa
14 Oktober 2025
jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T022 / 2025
Kerja-Kerja Penanaman Rumput Dan Pemeliharaan Di Bangunan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) (Bangunan Lama Bagi Ibu Pejabat Baharu Authoriti Monetari Brunei Darussalam).

No. Projek:
JASTRE / BL / T022 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas
III, IV atau V

Kategori
S01

Tarikh Tutup Pada:
Selasa
14 Oktober 2025
jam 2.00 Petang

JASTRE / KB / T021 / 2025
Perkhidmatan Kutipan Dan Pembuangan Sisa Pepejal Daripada Pusat-Pusat Pengumpulan Sisa Pepejal Di Daerah Belait Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

No. Projek:
JASTRE / KB / T021 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND50.00
(Non Refundable)



(69)QTN/BPBK/BKISHHB/2024/PT.1

SOUVENIR SHOP RENTAL AT BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH (2/25) FOR PERIOD OF THREE (3) YEARS

(70)QTN/BPBK/BKISHHB/2024/PT.1

RENTAL AND USE OF CAFETERIA AT BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH (2/25) FOR PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN SEBUTHARGA : BND 5.00

TARIKH BUKA : 28 OGOS 2025

TARIKH TUTUP : 9 OKTOBER 2025, 2PM

TARIKH BRIEFING AKAN DIADAKAN PADA 20/09/2025

CARA PEMBAYARAN

Jika anda berminat, sila emelkan butiran di bawah ke tawaran@bkishhb.gov.bn

1. Nama syarikat
2. No. ROCBN
3. No. Sebutharga
4. Nombor Telefon

Pembayaran melalui kad debit atau kad kredit iaitu mastercard atau visa card sahaja di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan bantuan Unit Kewangan & Stor ATAU melalui PORTAL OCBS sebelum pengambilan dokumen sebutharga





KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
14 / JULY / 2025 / KKBS / PJK / 16.43 (R)

Anti Termite Treatment For Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Main Office, Jalan Kebangsaan, Brunei Darussalam (Requotation)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 25 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
KKBS / OBBD / F-003 (01-2025)

Tajuk Sebut Harga:
Re-Quotation Membekal Peralatan Dan Perkakas Kegiatan Darat, Air Dan Tali Menali Di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
21 / SEPT / 2025 / KKBS / PJK / 16.91

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Maintenance Of A Period Of Twenty-Four (24) Months For Air-Conditioning System At: -
1. Pusat Pembangunan Belia (PPB); &
2. Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Office

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 25 September 2025
Jam 2.00 Petang

PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

5 / SEPTEMBER / 2025 / PSB / PD.575
Membekal Perkhidmatan Mengubahsuai Galeri Pusat Pengkajian Borneo Zon A, Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis
2 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pembedor-Pembedor Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas
II, III atau IV

Kategori
KPB12

Tarikh Akhir Mengambil:
Selasa, 30 September 2025

JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
27 / BBS / LK / 152 / QABPLK

Keterangan Projek:
Mencetak Dan Membekal 5,000 Buah Buku Notis Kesalahan (1 Naskah Mengandungi 100 Muka Surat Salinan Asal Dan 100 Salinan Karbon)

Tarikh Buka:
Isnin
15 September 2025

Tarikh Tutup:
Selasa
30 September 2025

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



Tarikh Tutup :
Selasa, 7 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T019 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Luanan Bagi Istana Darul Taqwa Dan Assiadah, Jerudong, Negara Brunei Darussalam Untuk Tempoh Dua (2) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T019 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND10.00 (Non Refundable)

JASTRE / BL / T020 / 2025
Kerja-Kerja Penyelenggaraan

Bilangan Tawaran:
10 / BBS / SDSFJBKBS / 2025-2026

Keterangan Projek:
Mencetak File Kuning Kerajaan Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Setia

Bilangan Tawaran:
11 / BBS / SDSFJBKBS / 2025-2026

Keterangan Projek:
Membekalkan Kertas Putih A4 Dan A4 Transparent Binding Cover Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Setia

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non – Refundable)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa
30 September 2025
Jam 2.00 Petang



Landskap Di Jalan Gadong (Stesen Jana Kuasa) Ke Penghujung Jambatan Gadong Dari Jambatan Jalan Jame' Asr Ke Pusing Keliling Jame' Asr Dan Berdekatan Kawasan Masjid Jame' Asr, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T020 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Non Refundable)



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Tawaran
Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah-Sekolah Ugama Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Daerah Brunei Dan Muara

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 17 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bokiah, Kampong Perpindahan Berakas, Kawasan Brunei II A

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 31 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Lumapas, Kawasan Brunei IV

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 27 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Katimahar, Kawasan Brunei IV

Daerah Tutong

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 34 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Lamunin, Tutong II

Daerah Temburong

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 42 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Bokok, Temburong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
24 Rabiulawal 1447H / 17
September 2025M
Jam 2.00 Petang



Tawaran
Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah-Sekolah Arab Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Daerah Tutong

No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 06 / 06

Nama Sekolah Arab:
Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong

Daerah Belait

No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 07 / 06

Nama Sekolah Arab:
Sekolah Arab Belait, Belait

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 9 Rabiulakhir 1447H /
1 Oktober 2025M
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

**Jabatan Hal Ehwal Syari'ah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

24 / JS / A / 14 / 2024 PT.2
Tawaran Sebut Harga Pembelian Kenderaan 12 - 15 Seater, Bagi Jabatan Hal Ehwal Syari'ah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Rabiulakhir 1447H / 30
September 2025M,
Jam 2.00 Petang

Kelas:
Vehicles Supplier / Agent Only

Kategori:
Vehicles Supplier / Agent Only



IMBASAN MINGGUAN

MAJLIS Pengislaman Dayang Valenvina Rina anak Robin di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah.
- Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SEBAHAGIAN pelajar yang menyertai Program Tadabbur Surah Al-Fatihah bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.
- Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

SEBAHAGIAN yang hadir pada malam Kemuncak The Only One yang dianjurkan oleh Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (Brunei Young Leaders Convention - BYLC) bertempat di Dewan Cesar Grand Hall, Mulia Hotel Brunei, Kampung Anggerek Desa. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



SEKITAR Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang disertai oleh segenap lapisan masyarakat dan penduduk daripada pelbagai peringkat di daerah ini.
- Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

KIUDANG Warriors muncul juara pada Perlawanan Akhir Futsal Terbuka Seluruh Negara bagi Tahun 2025. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



AKSI semasa Liga Belia Brunei Musim 2025 / 2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18) yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).
- Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

MEMPERKUKUH SEMANGAT PERSAUDARAAN, KERJASAMA AHLI PENGAKAP

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

SERAMAI 11 ahli Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) bertolak ke Malaysia bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pengakap Johor Kali Ke-27 Peringkat Antarabangsa 2025 sempena Sambutan Hari Pengakap Malaysia 2025.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 September. - Seramai 11 ahli Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah bertolak ke Malaysia bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pengakap Johor Kali Ke-27 Peringkat Antarabangsa 2025 sempena Sambutan Hari Pengakap Malaysia 2025, baru-baru ini.

Majlis Pelepasan dan Penyerahan Bendera kepada kontinjen telah disempurnakan oleh Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas, kepada Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Harzuna bin Haji Ismail, selaku Ketua Kontinjen.

Kontinjen NBD terdiri daripada Awang Haji Mohd. Harzuna, Dayang Effayne binti Haji Salam, Dayang Aisyah Arwa Asy-Syifa binti Abdullah @ Emy Kertika binti Mulong, Dayang Sandora binti Haji



Basri, Dayang Rohani binti Haji Masri, Awang Zunidi bin Telih, Awang Ibrahim bin Haji Bujang, Dayang Nurul Azimah Zafirah binti Ibrahim, Dayang Nur Shahdina binti Haji Shahrul Fadzillah, Dayang Nuradina binti Raduan, dan Awang Mohammad Waliuddin bin Hasparin.

Dato Paduka Haji Idris dalam ucapannya menyatakan harapan agar penyertaan kontinjen

berkenaan bukan sahaja dapat memperluaskan pengalaman dan pengetahuan dalam bidang kepengakapan, tetapi juga menjadi wadah untuk memupuk persahabatan, kerjasama, serta pertukaran budaya antara pengakap serantau.

Sementara itu, Awang Haji Mohd. Harzuna turut menzahirkan tekad untuk membawa nama baik PPNBD, serta memastikan setiap

ahli kontinjen mendapat manfaat daripada penglibatan berkenaan dengan semangat disiplin, komitmen, dan kepimpinan yang tinggi.

Penyertaan berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan PPNBD dalam mengukuhkan hubungan serantau, meningkatkan pengalaman antarabangsa ahli pengakap, serta memperkukuh semangat

persaudaraan dan kerjasama dalam kalangan pengakap.


Turut hadir pada majlis berkenaan, Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Skip Haji Junaidi bin Hussin; Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Skip Lt. Kol (B) Ramli bin Abdul Hadis; Pesuruhjaya - pesuruhjaya, pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli pengakap serta ahli-ahli keluarga kontinjen.



سورھنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

2



Bahagian	Status	Link
1	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	...
2	PROSES PERAKUAN	...
3	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	...
4	TIDAK HADIR	...
5	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	...
6	PEMOHON DITERIMA	...

3



Operasi Waspada dapati 6 kesalahan di bawah Akta Pekerjaan



OPERASI Waspada 170/2025 di Kawasan Mukim Kiudang, Daerah Tutong telah mendapati sebanyak enam kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278.

sebanyak enam kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 39(2) Gagal membayar kerja lebih masa, Bab 63 Gagal memberikan cuti rehat, Bab 64 Bekerja pada hari rehat, Bab 65 Bekerja melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan, Bab 70 Gagal memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan dan Bab 71 Gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit

kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti membayar kerja lebih masa, memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu atau mana-mana hari di minggu tersebut, memberikan cuti Hari Kelepasan Awam yang diwartakan dan memberikan cuti tahunan berbayar.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh di talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

TUTONG, Sabtu, 13 September. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh, baru-baru ini menjalankan Operasi

Waspada 170/2025 di Kawasan Mukim Kiudang, Daerah Tutong, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan,

Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan kedai makan telah mendapati



Bersikap ihsan kepada haiwan, sayangi dan lindungi

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

SEMUA binatang adalah sebahagian daripada makhluk Allah Subhanahu Wata'ala, oleh itu setiap orang mempunyai kewajiban untuk melindungi setiap binatang, kerana binatang pun telah diberikan hak-haknya oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Jika seorang Muslim memperlakukan binatang dengan sikap kasih sayang, maka tentunya Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan kepadanya ganjaran kebaikan atas sikapnya tersebut.

Bercakap mengenai haiwan, kebiasaannya ramai dalam kalangan masyarakat kita suka memelihara haiwan kerana haiwan peliharaan ini bukan sahaja memberi kebahagiaan malah boleh menjadi sumber terapi yang membawa ketenangan. Kucing, anjing, arnab dan sebahagian haiwan jinak merupakan haiwan peliharaan yang paling banyak menjadi pilihan.

Kita sering mendengar berita mengenai penganiayaan terhadap haiwan terutama sekali pada kucing dan anjing. Bahkan ada juga orang yang dihukum kerana menyiksa dan membunuh binatang. Sikap seperti ini menunjukkan hilangnya rasa kemanusiaan, rasa sayang kepada binatang meskipun binatang tersebut adalah haram di sisi agama Islam. Perbuatan seperti ini sememangnya keji dan tidak berperikemanusiaan tetapi masih ada segelintir orang yang melakukannya.

Sebagai umat Islam, berita seperti ini seharusnya mendorong kita untuk lebih mendidik diri kita sendiri, anak-anak serta keluarga tentang pentingnya sikap kasih sayang dan belas kasihan terhadap binatang kerana mereka juga ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Islam menekankan ihsan terhadap haiwan dan melarang sebarang bentuk

penganiayaan terhadapnya. Antara penganiayaan yang sering dilakukan oleh mereka yang tidak berperikemanusiaan ialah tidak memberi makan dan minum binatang yang dikurung, membiarkannya kelaparan serta mengabaikan penjagaannya. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa isu kezaliman dan penganiayaan terhadap haiwan dapat dibanteras dengan memupuk perasaan ihsan serta mewujudkan kesedaran dalam masyarakat.

Apabila para sahabat bertanya tentang ganjaran memberi minum kepada haiwan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Pada setiap yang bernyawa ada pahala."* (Hadis Riwayat Bukhari). Jelaslah bagaimana agama Islam menuntut kita untuk berlaku ihsan, walaupun terhadap seekor anjing yang merupakan haiwan yang kebanyakannya dijauhi orang Islam kerana sifatnya yang najis. Ini menunjukkan bahawa sebarang bentuk kekejaman terhadap haiwan sangat dibenci, dikedam dalam Islam kerana haiwan tersebut adalah juga makhluk Allah Subhanahu Wata'ala.

Isu anjing liar, kucing terbiar

Di negara ini, isu anjing liar sememangnya bukan perkara baharu kerana sudah sering dibincangkan oleh pihak-pihak tertentu bagaimana untuk mengatasi hal ini. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bersama Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran telah menjalankan operasi bersepadu untuk memindahkan anjing liar dan terbiar bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini. Memang agak menyedihkan melihat anak-anak anjing atau ibu anjing diseksa bahkan diganggu meskipun anjing merupakan binatang yang haram bagi seorang Muslim untuk memegangnya. Tetapi itu bukan tiket untuk kita melakukan sewenang-wenangnya dengan menyeksa

anjing-anjing tersebut. Sifat kemanusiaan perlu ada dalam diri seseorang agar tidak melakukan sikap keji seperti membunuh haiwan.

Begitu juga dengan kucing terbiar. Kebanyakan kucing dibuang ke tempat yang ada orang seperti di pasar atau di kedai. Sangat kasihan apabila melihat anak-anak kucing mengiau mencari makanan dan bernasib baik jika ada orang baik hati yang memberi makan. Tetapi ada sesetengah orang yang tidak mempunyai naluri kasih sayang menendang dan menyeksa kucing terbiar ini. Justeru kesedaran menyayangi haiwan perlu diterapkan dalam jiwa sejak kecil agar membesar sebagai orang dewasa yang penuh dengan kasih sayang dan belas ihsan.

Kita perlu sedar bahawa Islam sebagai agama berkasih sayang yang memberi rahmat kepada seluruh alam. Rahmat atau kasih sayang dalam Islam meliputi sekalian makhluk yang mana ia tidak hanya terbatas kepada manusia bahkan menjangkau kepada haiwan, tumbuhan dan sekalian alam. Islam merupakan agama yang benar-benar memerintahkan penganutnya untuk saling mengasihi dan menyayangi sesama makhluk. Umat Islam hendaklah memahami bahawa berkasih sayang atau berbuat baik terhadap haiwan adalah ibadah yang boleh mengundang keredaan dan pengabaian terhadapnya boleh mengundang kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Membela haiwan peliharaan beri kesan positif

Membela haiwan di rumah boleh memberikan banyak manfaat kepada keluarga, termasuklah kanak-kanak. Menjaga dan bermain dengan haiwan peliharaan boleh memberi kesan positif terhadap perkembangan kanak-kanak.

Mempunyai haiwan peliharaan boleh memberikan pelbagai faktor, seperti rasa penerimaan dan kasih sayang yang erat terjalin antara kanak-kanak dan haiwan, dan lebih penting, ia membantu kanak-kanak mengembangkan sifat prihatin, kasih sayang, sokongan, dan hubungan. Membela haiwan juga dapat memberi ruang positif untuk kanak-kanak mengawal tekanan dan belajar tentang tanggungjawab.

Membenarkan anak awda memelihara haiwan boleh meningkatkan keyakinan, belas ihsan dan empati dalam diri. Haiwan peliharaan anak awda juga boleh menjadi temannya dan membantunya memahami hal-hal rumit dalam hidup serta boleh memberikan rasa disayangi. Lebih utama lagi, ia juga boleh mengajar anak awda untuk jadi berdikari, proaktif dan bertanggungjawab. Anak awda akan dapat mempelajari untuk mengungkapkan rasa sayang terhadap makhluk lain seperti terhadap kucing yang dibelanya. Bahkan interaksi dengan haiwan peliharaan juga boleh mengurangkan kesepian dan menjadi teman untuk meluahkan perasaan.

Selain itu, berkomunikasi dengan haiwan peliharaan boleh membantu anak-anak mengembangkan kehidupan sosial dan verbal mereka dan tidak hanya asyik terperap di rumah bermain *gadget*.

Bagi yang memelihara haiwan peliharaan, anak-anak akan menjadi lebih aktif secara fizikal, misalnya bermain-main atau berjalan di luar rumah bersama haiwan kesayangan untuk kesihatan yang lebih baik. Justeru minda anak-anak akan lebih cergas, terbuka dengan dunia luar dan tentunya bertambah seronok jika dilakukan bersama haiwan peliharaan yang disayangi.

Sebagai makhluk ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala, sikap berkasih sayang sesama makhluk adalah penting bagi mewujudkan dunia yang aman dan selamat.





Kreativiti dalam berniaga biskut

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Ihsan Minibites by Yune

BISKUT apabila dijadikan sebagai kudapan memang dapat memikat selera apa lagi dengan teksturnya yang garing dan rangup memang sesuai dijadikan santapan ketika bersantai mahupun sebagai pencuci mulut ketika makan tengah hari atau malam.

Pembuatannya juga boleh dibuat di rumah menggunakan bahan-bahan yang mudah didapati di pasar raya. Mereka yang rajin pula setentunya akan menjadikannya sebagai satu perniagaan. Tidak dinafikan membakar biskut merupakan antara perniagaan dari rumah yang agak popular dari dahulu hingga kini.

Ruangan Industri Kotej kali ini mendekati seorang peniaga biskut dan kek, Dayang Nurul Ayunni binti Jaidi, 36, dengan nama syarikatnya Minibites by Yune. Sebelum berniaga sepenuh masa, beliau merupakan seorang pereka dalaman di syarikat swasta.

Beliau telah mula berjinak-jinak membakar kuih ketika di bangku sekolah menengah lagi yang mana ketika itu beliau sering membantu seorang peniaga biskut pada setiap bulan Ramadan. Lama-kelamaan beliau cuba membuat biskut sendiri setiap kali bulan Ramadan dan hasil dari jualan tersebut dapat membantu adik-beradiknya yang lain dengan membiayai baju raya mereka. Bermula dengan jumlah kumpulan biskut yang kecil dari dapur beliau, lama-kelamaan beliau mendapat pelanggan setia yang menempah produk beliau.

Tahun 2016, usaha ini semakin berkembang menjadi perniagaan sepenuh masa. Beliau telah mengorak langkah ke dunia perniagaan dengan memberi tumpuan mencipta biskut dan kek buatan

tangan untuk semua majlis.

Biskut Kopi Rangup, salah satu produk yang menjadi kegemaran ramai hingga ke hari ini. Ia masih disukai pelanggan dari semua peringkat umur kerana teksturnya yang rangup dan kaya dengan rasa kopi. Bukan setakat jualan terlaris, Biskut Kopi Rangup juga menjadi sebahagian daripada identiti syarikatnya.

Selain Biskut Kopi Rangup, beliau turut membuat tart nenas, Viennese Finger, kek batik dan lain-lain.

Harga jualan pula tertakluk kepada jenis biskut dan kek serta jenis *packaging* yang digunakan dari serendah BND1. Harga yang rendah dapat memainkan peranan dalam memancing pelanggan untuk merasa produk-produk yang dijual.

Selain itu, beliau suka membakar biskutnya dalam kumpulan yang kecil untuk memastikan semuanya sentiasa segar, penuh rasa, dan berkualiti tinggi. Bagi beliau, biskut yang sedap itu tidak perlu rumit, cukup menggunakan resipi yang dipercayai, bahan berkualiti dan kaedah tradisional yang dapat menyerlahkan *beauty of simplicity*.

"Saya percaya bahawa rasa yang hebat bermula dengan bahan-bahan yang hebat. Itulah sebabnya kami memilih dengan teliti segala yang dimasukkan ke dalam biskut dan kek kami," ujarnya.

Ditanya dari mana membeli bahan mentah, beliau membelinya dari pasar raya dalam negara sahaja termasuklah juga bahan-bahan *packaging* untuk produk beliau. Bagi beliau, ia lebih mudah dan cepat.

Beliau juga ingin memastikan setiap penghantaran sama ada pada tempahan sedikit mahupun untuk kegunaan majlis sama ada berskala kecil mahupun besar, ia dapat memberi kegembiraan kepada pelanggan.

Bagi memastikan kelangsungan

penjualan biskut, beliau tidak hanya menjual biskut menggunakan *packaging* biasa semata-mata tetapi beliau turut mengolahkannya agar sesuai untuk dijadikan hadiah atau hamper kepada orang tersayang. Antaranya balang biskut mini khas iaitu set kotak untuk majlis perkahwinan, pertunangan dan aqiqah dan juga untuk hidangan pada musim perayaan seperti Hari Raya, Krismas ataupun Tahun Baharu Cina.

Beliau bersyukur kerana terpilih menjadi Usahawan Bekarih Yayasan kerana melaluinya beliau mendapat pelbagai pendedahan yang lebih luas, menambah pelanggan dan meningkatkan kualiti *packaging* kepada lebih premium. Platform seperti ini telah membantu beliau mengembangkan lagi jenama syarikatnya, menerima maklum balas secara langsung dari pelanggan, dan meneroka idea-idea baharu seperti cenderahati bertemakan acara dan set hadiah bermusim.

Minibites by Yune telah aktif menyertai pelbagai acara dalam negara seperti pasar *pop-up*, dan pameran kolaborasi untuk mempromosikan barangan buatan tempatan.

Antara acara yang pernah disertai ialah Hari Bakarih Yayasan yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Local Product Expo di Bridex, Consumer Fair yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Rih Raya yang berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah dan lain-lain. Memandangkan beliau sudah sering mengikuti ekspo dalam negara, harapan beliau seterusnya ialah peluang untuk mengikuti ekspo di luar negeri.

Adat berniaga menghadapi cabaran dan beliau tidak terkecuali. Antara cabaran yang dialami ialah sekiranya beliau sendiri perlu turun ke ekspo, beliau tidak dapat membakar kuih di rumah sepanjang beliau

berada di ekspo tersebut. Oleh itu, peniaga mesti bijak mengimbangi masa antara membuat jualan dan menambah jumlah produk.

Berniaga makanan seperti biskut mempunyai kebaikan kerana ia tahan lama disimpan. Sebagai peniaga, perlu juga mempunyai kreativiti agar dapat menjaga kelangsungan perniagaan. Misalnya Dayang Nurul Ayunni bukan hanya setakat membakar biskut dan kek, beliau turut membuat nilai tambah terhadap *packaging* dan menggubahnya agar sesuai dibuat hadiah, cenderamata mahupun *hamper*. Ini merupakan satu strategi perniagaan yang bijak. Selain dapat menarik perhatian pelanggan untuk membeli biskut buatan beliau, pembungkusan yang cantik dan eksklusif membuatkan hamper nampak lebih premium kerana pelanggan lebih tertarik membeli sesuatu yang kelihatan istimewa, terutama untuk dijadikan hadiah.

Malah gabungan beberapa jenis biskut dalam satu hamper membuatkan pelanggan rasa berbaloi sebab dapat pelbagai jenis biskut dalam satu pembelian.

Menjadi peniaga biskut juga mestilah sentiasa belajar dari mereka yang berpengalaman dan sentiasa mengemas kini pengetahuan melalui media-media sosial. Malah sumber dari media sosial juga mestilah dicuba sendiri terlebih dahulu untuk mengetahui *trial and error* sesuatu resipi.

Selain menerima tempahan untuk majlis-majlis, Dayang Nurul Ayunni turut membuka tempahan hadiah sempena Hari Guru yang akan datang pada harga berpatutan. Bagi mereka yang ingin melihat hasil produk beliau, bolehlah melayari laman Instagram @minibites.by.yune dan Facebook Mini bites by Yune.

BEKAS KETUA HAKIM NEGARA DILANTIK PERDANA MENTERI BAHARU NEPAL



NEW DELHI, 13 Sept. - Seorang bekas Ketua Hakim Mahkamah Agung dilantik sebagai Perdana Menteri baharu Nepal ketika negara berpenduduk 30 juta itu berusaha kembali normal selepas sehari-hari dilanda tunjuk perasaan antikerajaan yang

bertukar ganas.

Sushila Karki, 73, dilantik sebagai perdana menteri interim pada Jumaat oleh Presiden Ram Chandra Poudel setelah beliau diterima oleh gerakan tunjuk perasaan yang dipimpin anak muda.

Pada 2016, Karki mencatat sejarah sebagai wanita pertama dilantik ketua hakim negara dalam sejarah Nepal.

Ibu negara Kathmandu menyaksikan kebakaran besar dan vandalisme sejak beberapa hari lalu apabila tunjuk perasaan

bertukar ganas pada Isnin, dengan kira-kira 20 penunjuk perasaan terbunuh dalam pertempuran dengan polis.

Khadga Prasad Sharma Oli

meletak jawatan sebagai perdana menteri pada Selasa susulan keganasan itu. - ©BERNAMA

Penyelidik China membangunkan 'alat penandaan nano' untuk imunoterapi kanser

SHANGHAI, 13 Sept. - Dalam imunoterapi kanser, sel imun di dalam badan perlu menerima 'isyarat' yang kuat dan cukup untuk menyerang sel kanser. Walau bagaimanapun, sel-sel kanser mahir menyamar, dengan isyarat semula jadi yang sangat jarang pada permukaannya.

Untuk mengenal pasti sel kanser dengan tepat, pasukan penyelidik yang diketuai oleh Han Shuo dari Pusat Kecemerlangan Sains Sel Molekul di Akademi Sains China telah menggunakan teknologi pelabelan kedekatan daripada penyelidikan biologi kimia kepada rawatan penyakit.

Mereka telah berjaya membina nanozim kejuruteraan yang

bertindak balas kepada cahaya merah dalam atau ultrasound, yang digambarkan sebagai "robot penandaan nano" yang boleh mengenal pasti sel-sel kanser dengan tepat, menurut Han.

Nanozim boleh membawa antibodi atau ligan yang mengenali sel kanser, dan memperkaya pada permukaan sel kanser melalui peredaran darah. Dengan memberi arahan melalui cahaya merah pekat atau ultrasound, ia boleh menandakan sel kanser dengan jelas, mengubahnya menjadi sasaran.

Para penyelidik juga menyuntik molekul BiTE yang dibuat khas ke dalam tikus dalam

eksperimen, yang bukan sahaja dapat menyerlahkan sasaran, tetapi juga mengaktifkan sel T imun untuk menyertai memerangi kanser. "Tagging ini juga boleh mengaktifkan sistem imun seluruh badan untuk membentuk ingatan jangka panjang, seolah-olah 'vaksin tumor' telah diberikan dalam badan," kata Han.

Kajian ini telah mencapai kesan terapeutik yang baik dalam kedua-dua model tumor tikus eksperimen dan sampel tumor klinikal in vitro. Ia dijangka membuka laluan baharu untuk pembangunan imunoterapi generasi akan datang yang lebih bijak dan cekap, menurut Han. Kajian mereka diterbitkan hari Rabu dalam talian dalam jurnal Nature. - ©XINHUA

Apple tangguh pelancaran iPhone Air di China akibat isu kawal selia eSIM

SAN JOSE (Amerika Syarikat), 13 Sept. - Apple menangguhkan pelancaran iPhone Air terbaharu di China susulan isu kawal selia berkaitan reka bentuk telefon yang hanya menggunakan eSIM, menurut syarikat itu pada Jumaat, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Syarikat telekomunikasi tanpa wayar China perlu mendapatkan lesen kerajaan sebelum menawarkan peranti dengan teknologi eSIM, namun kelulusan masih belum diberikan. Apple berkata pihaknya sedang bekerjasama rapat dengan pengawal selia dan penyedia perkhidmatan bagi membolehkan iPhone Air dilancarkan "secepat mungkin".

iPhone Air yang diumumkan pada Selasa dalam acara tahunan pelancaran produk Apple, merupakan pembaharuan reka bentuk terbesar sejak iPhone X pada 2017. Dengan ketebalan hanya 5.6 milimeter, ia adalah iPhone paling nipis pernah dihasilkan dan menghapuskan sepenuhnya slot kad SIM fizikal.

Sebaliknya, ia bergantung sepenuhnya kepada eSIM yang menurut Apple meningkatkan kecekapan dan memanjangkan hayat bateri.

Ketua Pegawai Eksekutif Apple, Tim Cook memberitahu CNBC bahawa penghapusan SIM fizikal memberi ruang untuk bateri lebih besar sambil mengekalkan reka bentuk nipis peranti itu.

Apple pada asalnya merancang membuka prapesanan di China pada Jumaat 2 pagi EST (0600 GMT), dengan jualan bermula 19 September.

Namun, laman web Apple China kini menyatakan butiran pelancaran akan "dikemas kini kemudian". China Mobile, China Telecom dan China Unicom dijangka menyokong keupayaan eSIM iPhone Air sebaik sahaja kelulusan diperolehi.

Penangguhan ini menyerlahkan ketegangan antara strategi reka bentuk global Apple dengan kawal selia teknologi yang ketat di China. Sementara itu, iPhone Air akan dilancarkan seperti dirancang di pasaran lain. - ©BERNAMA

Gempa bumi 7.4 skala Richter landa timur jauh Rusia

ISTANBUL, 13 Sept. - Gempa bumi berukuran 7.4 pada skala Richter melanda wilayah timur jauh Rusia pada 6.37 pagi waktu tempatan Sabtu (0237GMT), lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS).

Pusat gempa dilaporkan terletak di luar pesisir Petropavlovsk-Kamchatsky, pusat pentadbiran Wilayah Kamchatka pada kedalaman 39.5 kilometer.

Pusat Amaran Tsunami Pasifik AS memaklumkan gelombang

"berbahaya" berkemungkinan berlaku di sepanjang pantai dalam lingkungan 300 kilometer dari pusat gempa.

Petropavlovsk - Kamchatsky menempatkan pangkalan kapal selam Rybachiy milik Tentera Laut Rusia dan pangkalan udara Yelizovo milik tentera udara negara itu. Setakat ini tiada laporan mengenai korban jiwa atau kerosakan.

Pihak berkuasa Rusia mengeluarkan amaran tsunami di sepanjang pesisir pantai

Kamchatka, meletakkan perkhidmatan dalam keadaan berjaga-jaga serta menggesa penduduk menjauhi kawasan yang terdedah kepada ancaman tsunami.

Pada 30 Julai lalu, semenanjung itu mengalami gempa bumi terkuat berukuran 8.8 pada skala Richter, sementara saintis Rusia merekodkan lebih 100 gegaran susulan melebihi 5.0 pada skala Richter selepas gegaran utama. - ©BERNAMA

4 anggota polis maut dalam kemalangan jalan raya di Azerbaijan

BAKU, 13 Sept. - Empat anggota polis maut dalam kemalangan jalan raya di wilayah Julfa, republik autonomi Nakhchivan, Azerbaijan, lapor Sputnik/RIA Novosti memetik media tempatan.

Sebuah kereta jenis BMW yang dinaiki empat anggota penguat kuasa undang-undang terbabas lalu terbalik pada Jumaat, menurut agensi berita Report.

Pemandu dipercayai hilang kawalan ketika melalui jalan yang licin akibat hujan, kata agensi itu. Satu kertas siasatan dibuka berhubung kemalangan itu. - ©BERNAMA

Pengundian bermula dalam pilihan raya wilayah Rusia

MOSCOW, 13 Sept. - Proses pengundian bermula bagi pilihan raya wilayah dan majlis perbandaran di seluruh Rusia dengan kira-kira 55 juta rakyat layak mengundi, menurut Suruhanjaya Pilihan Raya Pusat (CEC) Rusia pada Jumaat, lapor Xinhua.

Bermula Jumaat hingga Ahad, lebih 5,000 pilihan raya diadakan di seluruh negara. Pengundi akan memilih gabenor, dewan perundangan wilayah dan majlis perbandaran.

Menurut CEC, pilihan raya gabenor diadakan di 20 wilayah, pilihan raya dewan perundangan di 11 wilayah, manakala majlis bandaran dipilih di 25 pusat pentadbiran.

Lebih 49,500 pusat mengundi dibuka dari 8 pagi hingga 8 malam waktu tempatan sepanjang tiga hari proses pengundian.

Pengundi boleh mengundi secara fizikal atau dalam talian, dengan pengundian elektronik jarak jauh disediakan di 24 wilayah tahun ini, melibatkan lebih 1.7 juta permohonan. Di kebanyakan wilayah, proses pengundian berlangsung selama tiga hari.

Hari pengundian bersepadu tahun ini tidak merangkumi pilihan raya kecil bagi Duma Negeri, iaitu dewan rendah parlimen Rusia.

Menurut undang-undang yang berkuat kuasa Mei lalu, pilihan raya kecil bagi badan perwakilan dalam tahun semasa tidak dijadualkan sebelum pilihan raya parlimen peringkat nasional. Pada masa ini, lapar kawasan pilihan raya masih belum mempunyai wakil. - ©BERNAMA

Palestin: UNGA lulus resolusi sokong Deklarasi New York bagi penyelesaian dua negara

WASHINGTON, 13 Sept. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) pada Jumaat meluluskan satu resolusi yang menyokong Deklarasi New York, yang bertujuan mengiktiraf sebuah negara Palestin dan memajukan penyelesaian dua negara dalam konflik Israel-Palestin, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Resolusi tersebut, yang secara rasmi bertajuk "Sokongan kepada Pengisytiharan New York mengenai Penyelesaian Damai Isu Palestin dan Pelaksanaan Penyelesaian Dua Negara," diluluskan dengan 142 undi menyokong, 10 menentang, dan 12 berkecuali.

Deklarasi yang diperkenalkan oleh Perancis dan Arab Saudi itu telah pun ditandatangani bersama oleh 17 negara anggota semasa satu persidangan antarabangsa di ibu pejabat PBB di New York pada Julai lalu.

Teks tersebut menggariskan pelan tindakan untuk keamanan, termasuk gencatan senjata segera di Gaza, pembebasan tebusan, pelucutan senjata Hamas serta pengecualiannya daripada tadbir urus di Gaza, normalisasi hubungan antara Israel dan negara-negara Arab, serta "tindakan bersama untuk menamatkan perang di Gaza".

"Deklarasi ini berpunca daripada kerja yang berlangsung sepanjang persidangan dari 28 hingga 30 Julai 2025 di New York, dan ia dirangka bersama 17 pengerusi bersama kumpulan kerja," katanya.

"Deklarasi ini menetapkan satu pelan tindakan tunggal untuk merealisasikan penyelesaian dua negara," kata Wakil Tetap Perancis ke PBB Jerome Bonnafont.

Wakil Palestin ke PBB Riyad Mansour mengucapkan terima kasih kepada semua negara yang menyokong deklarasi itu, sambil menambah: "Bagi mereka yang mahukan keamanan, sertailah kami. Bagi mereka yang mahu menyelamatkan nyawa, sertailah kami".

Israel dan Amerika Syarikat menentang resolusi itu. Duta Israel ke PBB Danny Danon berkata, "Pengesahan terhadap apa yang disebut sebagai deklarasi ini bukanlah usaha serius untuk mewujudkan keamanan".

Wakil AS Morgan Ortugus pula berkata teks itu "menjejaskan usaha diplomatik serius untuk menamatkan konflik," sambil menambah bahawa ia telah "menguatkan Hamas dan menjejaskan prospek perdamaian". - ©BERNAMA



97 TERBUNUH, LEBIH 4.4 JUTA TERJEJAS AKIBAT BANJIR DI PUNJAB, REPUBLIK ISLAM PAKISTAN

ISLAMABAD, 14 Sept. – Sekurang-kurangnya 97 orang terbunuh dan lebih 4.4 juta lagi terjejas akibat banjir yang melanda wilayah timur Punjab di Republik Islam Pakistan, menurut Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana Wilayah (PDMA).

Menurut PDMA pada hari Jumaat, banjir yang dicituskan oleh peningkatan paras air sungai Ravi, Sutlej dan Chenab telah merosakkan lebih 4,500 buah kampung di seluruh wilayah tersebut.

Pihak berkuasa berkata setakat ini, kira-kira 2.45 juta orang telah dipindahkan ke

kawasan yang lebih selamat sebagai sebahagian daripada operasi menyelamatkan dan bantuan yang sedang dijalankan.

Sebanyak 396 pusat bantuan telah ditubuhkan di daerah-daerah yang terjejas, manakala kira-kira 1.9 juta ternakan juga telah dipindahkan, menurut PDMA.

Di seluruh negara, musim hujan dan banjir yang bermula sejak 26 Jun telah meragut sekurang-kurangnya 956 nyawa dan mencederakan lebih 1,060 orang, menurut statistik rasmi. Lebih 8,400 buah rumah telah musnah atau rosak, dan lebih 6,500 haiwan ternakan telah mati

di seluruh negara.

Usaha bantuan masih diteruskan ketika pihak berkuasa berusaha menyediakan tempat perlindungan, makanan, dan sokongan perubatan kepada komuniti yang dipindahkan serta mencegah kerugian lanjut, tambahnya. - ©XINHUA

SEORANG wanita mengharungi air banjir di kawasan yang dilanda banjir di pinggir Multan, Republik Islam Pakistan pada 2 September 2025.



Sekurang-kurangnya 25 cedera dalam letupan gas di Madrid

ISTANBUL, 14 Sept. – Sekurang-kurangnya 25 orang cedera, termasuk tiga parah susulan letupan gas di daerah Puente de Vallecas, Madrid pada Sabtu, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik akhbar harian Sepanyol, El País.

Letupan berlaku kira-kira 3 petang waktu tempatan (1300GMT) di sebuah premis komersial yang diubah suai menjadi kediaman.

Ia turut menjejaskan bangunan di bahagian atas serta sebuah bar berhampiran.

Ketua Jabatan Bomba Bandar Raya Madrid, Carlos Marín de la Barcena mengesahkan insiden berpunca daripada letupan gas.

Namun, jenis gas, punca sebenar kejadian serta titik mula letupan masih belum dapat dipastikan.

Timbalan Datuk Bandar Madrid, Inmaculada Sanz, berkata penghuni sembilan pangsapuri di blok setinggi tiga tingkat itu mungkin perlu dipindahkan selama beberapa hari berikutan 'kerosakan ketara pada struktur lantai antara aras bawah dan

tingkat pertama'.

Sanz, yang juga mengetuai bahagian Keselamatan dan Kecemasan bandar itu memaklumkan Majlis Perbandaran kini bekerjasama dengan Samur Social untuk menyediakan kediaman sementara kepada penduduk terjejas.

Pasukan teknikal majlis akan menjalankan penilaian penuh struktur bangunan itu.

Pasukan bomba berjaya menyelamatkan empat orang dari bawah runtuhan. - ©BERNAMA

Pilihan raya Majlis Perundangan kelapan Macao bermula

MACAO, 14 Sept. – Pilihan raya bagi memilih anggota Majlis Perundangan kelapan Wilayah Pentadbiran Khas (SAR) Macao bermula pada pagi Ahad, lapor Xinhua.

Proses pengundian dibuka pada 9.00 pagi dan diadualkan berakhir pada 9.00 malam waktu tempatan.

Keputusan awal dijangka diumumkan pada awal pagi Isnin.

Majlis Perundangan itu akan mempunyai 33 kerusi, dengan 14

anggota dipilih secara undian langsung, 12 melalui cara tidak langsung, manakala tujuh lagi akan dilantik oleh ketua eksekutif SAR Macao dalam tempoh 15 hari selepas menerima keputusan rasmi pilihan raya.

Pilihan raya kali ini melibatkan 37 lokasi pengundian dengan 38 pusat pengundian bagi undian langsung dan lima bagi undian tidak langsung.

Pada 2024, SAR Macao telah meminda Undang-undang Pilihan Raya Majlis Perundangan, termasuk memperbaiki proses semakan kelayakan calon bagi memperkukuh prinsip 'patriot mentadbir Macao' dalam rangka perundangan, di samping menambah baik beberapa peringkat proses pilihan raya bagi memastikan ia dijalankan dengan adil, telus, bersih dan teratur. - ©BERNAMA

7 maut dalam insiden tembakan di premis biliard, Ecuador

QUITO, 14 Sept. – Sekurang-kurangnya tujuh orang terbunuh manakala tiga lagi cedera selepas sekumpulan lelaki bersenjata menyamar sebagai askar melepaskan tembakan di sebuah premis biliard lewat Jumaat di Santo Domingo de los Tsachilas, barat laut Ecuador, lapor Xinhua memetik laporan media tempatan pada Sabtu.

Menurut portal berita tempatan Primicias, para penyerang tiba dengan sebuah kenderaan sekitar 10.30 malam waktu tempatan sebelum melepaskan tembakan secara rambang ke arah pelanggan di premis yang terletak di kawasan kejiranan Nuevo Amanecer.

Insiden itu merupakan kejadian kedua di premis biliard di wilayah Santo Domingo de los Tsachilas dalam tempoh kurang sebulan.

Pada 17 Ogos lalu, tujuh orang turut maut dalam serangan serupa, menurut polis.

Berdasarkan data Balai Pemerhatian Jenayah Terancang Ecuador, negara itu merekodkan 4,619 kes pembunuhan pada separuh pertama tahun 2025, iaitu peningkatan 47 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu - angka tertinggi dalam tempoh enam bulan dalam sejarah Ecuador.

Kerajaan Ecuador meningkatkan usaha menentang kumpulan jenayah pengedaran dadah sejak Presiden Daniel Noboa mengisytiharkan keadaan 'konflik bersenjata dalaman' pada Januari 2024 berikutan peningkatan keganasan. - ©BERNAMA

Lebih 100,000 sertai perhimpunan diketuai aktivis berhaluan kanan di tengah London

LONDON, 14 Sept. – Lebih 100,000 penunjuk perasaan menyertai satu perhimpunan anti imigresen yang dianjurkan oleh aktivis berhaluan kanan pada Sabtu di pusat bandar London.

Perhimpunan 'Unite the Kingdom' itu dianjurkan aktivis Stephen Yaxley-Lennon, yang lebih dikenali sebagai Tommy Robinson, mencetuskan pertembungan ganas antara penunjuk perasaan dengan pihak polis.

Beberapa tangkapan turut dilakukan di lokasi kejadian.

Menurut media tempatan, perhimpunan ini berkemungkinan merupakan yang terbesar dianjurkan oleh kumpulan sayap kanan di Britain sejak beberapa dekad lalu.

Kerajaan Britain kini berdepan tekanan hebat terhadap usaha menangani isu imigresen tidak teratur.

Lebih 1,000 pendatang dikesan menyeberangi Selat Inggeris dengan menaiki bot kecil hujung minggu lalu, menjadikan jumlah keseluruhan tahun ini melebihi 30,000 orang. - ©BERNAMA

Ecuador pindahkan sementara ibu pejabat eksekutif kerajaan ke Latacunga

QUITO, 14 Sept. – Presiden Ecuador Daniel Noboa pada Sabtu mengarahkan pemindahan sementara ibu pejabat cawangan eksekutif kerajaan ke bandar Latacunga, ibu negeri wilayah Cotopaxi, menurut kenyataan kerajaan yang dipetik Xinhua.

Menerusi dekre yang dikeluarkan, Noboa berkata langkah itu bertujuan untuk 'lebih dekat dengan rakyat dan

menangani keperluan mereka di lapangan'.

Naib Presiden Maria Jose Pinto pula diarahkan untuk menjalankan tugas dari Otavalo buat sementara waktu.

Pengumuman itu dibuat sehari selepas kerajaan menggantung subsidi diesel yang mencetuskan bantahan daripada kesatuan pengangkutan, kumpulan orang asli serta organisasi pekerja.

Pada Sabtu, pengendali pengangkutan bandar di wilayah Pichincha - yang menempatkan Quito dan pejabat rasmi eksekutif - mengumumkan mereka akan menghentikan perkhidmatan bermula Isnin.

Penghapusan subsidi itu menyebabkan harga diesel meningkat daripada US\$1.80 kepada US\$2.80 seliter mulai Sabtu. - ©BERNAMA

NURSE WARRIOR JUARA KEJOHANAN BOLA JARING PIALA MENTERI KESIHATAN

TUTONG, Ahad, 14 September. - Pusat Promosi Kesihatan dan Jabatan Pentadbiran, Kementerian Kesihatan menganjurkan Kejohanan Bola Jaring antara jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kesihatan bertempat di Dewan Silaturahmi, Pusat Latihan, Jabatan Penjara Maraburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee.

Perlawanan akhir Kejohanan Bola Jaring Piala Menteri Kesihatan Tahun 2025 berkenaan menyaksikan perlawanan antara pasukan Healing Hoopers dan pasukan Nurse Warrior, yang berakhir dengan keputusan 17 - 14 memihak kepada pasukan Nurse Warrior.

Dengan kemenangan berkenaan, pasukan Nurse Warrior dinobatkan sebagai juara, sementara tempat kedua disandang oleh pasukan Healing Hoopers, manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Pharma Force.

Sebagai kemuncak majlis

penutup, tetamu kehormat majlis menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang termasuk juara, naib juara, tempat ketiga dan pasukan sagu hati.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang kategori hadiah khas dengan Dayang Nurul Hamizah binti Hamdani daripada pasukan Nurse Warrior dipilih sebagai 'Best Shooter'.

Manakala 'Best Attacker' pula dimenangi oleh Dayang Farhana binti Mohd. Haji Kipli daripada pasukan Healing Hoopers, sementara 'Best Defender' dimenangi oleh Ampuan Nur Hamizah binti Ampuan Haji Sulaiman daripada pasukan Nurse Warrior.

Kejohanan berkenaan bukan sahaja menjadi platform untuk mencungkil bakat dan memupuk semangat kesukanan dalam kalangan pegawai dan kakitangan wanita di Kementerian Kesihatan, bahkan turut mempererat hubungan kerjasama, memperkukuh ukhuwah, serta menyumbang kepada

kesejahteraan seluruh warga kementerian.

Diharapkan inisiatif seumpama berkenaan akan diteruskan dan diperkasa lagi sebagai sebahagian

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

daripada usaha berterusan ke arah sihat, harmoni dan berdaya membina persekitaran kerja yang saing.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyertai bergambar ramai bersama juara Kejohanan Bola Jaring Piala Menteri Kesihatan Tahun 2025 berkenaan.

18 belia sertai Aktiviti Basic Abseiling diraikan



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil pada majlis penutup yang telah berlangsung di Perkampungan Sukan Berakas.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Sabtu, 13 September. - Seramai 18 peserta belia berumur antara 15 hingga 35 tahun telah terpilih untuk menyertai Aktiviti Basic Abseiling dan diraikan dengan penyampaian sijil pada majlis penutup berlangsung di Perkampungan Sukan Berakas, petang tadi.

Penyampaian sijil di sini disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly. Terdahulu, Awang Haji Mohamad Rosfazilah berada di lokasi Aktiviti Abseiling dan bergambar ramai bersama para peserta dan juga penolong jurulatih.

Adapun Aktiviti Basic Abseiling ini selaras dengan aspirasi Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 (DBNS) di bawah Teras Pembangunan Kapasiti dan Kepimpinan Belia, yang menekankan pembangunan potensi, peningkatan kemahiran dan pembinaan daya tahan belia.

Melalui aktiviti ini, para peserta bukan sahaja didedahkan kepada teknik keselamatan dan kemahiran rekreasi luar, malah diasah keberanian, keyakinan diri, disiplin serta semangat kerja berpasukan.

Pendekatan ini sejajar dengan matlamat DBNS untuk melahirkan belia Brunei yang berdaya saing, berketerampilan dan berwawasan, seiring dengan Wawasan Brunei 2035.

Bagi mencapai objektif tersebut, Cawangan Brunei dan Muara dengan tenaga profesional Bahagian Latihan dan Pusat Sumber, Jabatan Belia dan Sukan akan menganjurkan Aktiviti Basic Abseiling di Perkampungan Sukan Berakas, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.

Aktiviti akan dikendalikan oleh Ketua Jurulatih, Awang Haji Ramli bin Haji Kuras bersama sembilan penolong jurulatih yang berpengalaman dan memastikan setiap individu yang terpilih benar-benar berwibawa untuk

Pelajar SM SMJA raih perak pada Kejohanan Olahraga Peringkat Antarabangsa

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Md. Nazul Putera Faeiz Firdaus Fakhri Zul Khairi



MD. Nazul Putera Faeiz Firdaus bin Fakhri Zul Khairi berjaya meraih pingat perak dalam Acara 100 Meter Lelaki di Bawah 17 Tahun pada Kejohanan Olahraga Peringkat Antarabangsa yang berlangsung di Stadium Likas, Kota Kinabalu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 September. - Remaja 16 tahun yang merupakan pelajar dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) baru-baru ini berjaya meraih pingat perak dalam Acara 100 Meter Lelaki di Bawah 17 Tahun dengan catatan masa 11.35 saat pada Kejohanan Olahraga Peringkat Antarabangsa yang berlangsung di Stadium Likas, Kota Kinabalu.

Meskipun mendapat pingat

perak namun ia adalah pencapaian yang membanggakan daripada Md. Nazul Putera Faeiz Firdaus bin Fakhri Zul Khairi mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) menerusi penyertaan Majlis Sukan Sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) sekali gus menonjolkan kejayaannya bagi negara kita di kejohanan tersebut yang berlangsung dari 28 Ogos sehingga 2 September 2025 lalu.

Kejayaan Md. Nazul Putera Faeiz Firdaus bukan sahaja menjadi kebanggaan warga sekolah, bahkan juga satu pencapaian bermakna yang mengangkat nama negara di persada antarabangsa.

Justeru, dengan kejayaan ini diharap dapat menjadi inspirasi kepada para pelajar dan belia negara untuk terus berusaha gigih, mengembangkan bakat serta menyumbang kepada kecemerlangan sukan dan pembangunan NBD.

Md. Nazul Putera Faeiz Firdaus semasa ditemu bual mengenai persiapan antara lain menjelaskan, beliau ditempatkan dalam program *centralise* di asrama selama seminggu. Dalam tempoh itu, melakukan latihan waktu pagi (5.30 - 7.30 pagi) dan petang (4.30 - 6.30 petang). Katanya, sesi latihan tersebut dilakukan dengan intensif untuk mencapai rekod pada

masa perlawanan yang akan bertanding.

"Saya berasa bahawa sesi latihan yang diberikan sangat efektif dan ia sekali gus dapat melatih kedisiplinan saya kerana kita diberi tanggungjawab dengan cara bangun awal pagi, sembahyang, masa makan, berlatih, cuci baju dan sebagainya," katanya.

Semasa hari perlawanan, Md. Nazul Putera Faeiz Firdaus berasa agak gementar kerana melihat kepada peserta lain namun beliau terus menguatkan keyakinan diri dan fokus untuk kekal tenang.

"Setelah tamat perlawanan, saya telah pun mencapai rekod terbaik saya dan mendapatkan kedudukan kedua dalam perlawanan itu. Dan atas kejayaan ini juga, saya dapat membanggakan ibu bapa saya dan mengharumkan nama negara dan sekolah saya sendiri," tambahnya lagi.

Perancangan selepas ini, katanya, beliau akan meneruskan dengan mengimbangkan masa berlatih dan pembelajaran lebih-lebih lagi untuk terus fokus belajar bagi menghadapi Peperiksaan 'O' Level tidak lama lagi.

Md. Nazul Putera Faeiz Firdaus seterusnya berharap tanpa mengabaikan bidang pendidikan, akan terus giat berlatih dalam bidang sukan olah raga yang sememangnya impiannya sedari kecil lagi untuk mencipta kejayaan di peringkat yang lebih tinggi.

mendapat ilmu ini.

Pengisian aktiviti termasuk taklimat keselamatan dan pengenalan Abseiling, sesi pembelajaran teori dan praktikal, latihan teknik turun dan naik dan seterusnya penyampaian sijil kepada peserta sebagai acara penutup selain tetamu khas

menyaksikan sendiri pendedahan ilmu melalui tayangan video.

Aktiviti seumpama itu bukan sahaja menguji kekuatan fizikal dan mental, malah memberikan manfaat dari segi sosial, keselamatan dan potensi kerjaya khususnya bagi belia yang berminat dalam bidang penyelamatan,

pasukan khas atau rekreasi luar.

Pihak penganjur berharap aktiviti ini menjadi platform untuk para belia dalam mencabar diri tetapi di suasana terkawal, menyeronokkan dan penuh nilai pembelajaran, seterusnya menyumbang kepada pembentukan sahsiah diri yang positif.



MOHA JULANG PIALA KEPUTERAAN 2025



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir menyaksikan perlawanan akhir tersebut. Turut hadir, Yang Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam). Pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MOHA) muncul juara pada Kejohanan Bola Sepak Piala Keputeraan 2025.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 13 September. - Pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MOHA) muncul juara pada Kejohanan Bola Sepak Piala Keputeraan 2025 di antara kementerian-kementerian, selepas menewaskan pasukan Jabatan Perdana Menteri (PMO), 3 - 0 menerusi perlawanan akhir yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Kemenangan tersebut sekali gus menyaksikan MOHA membawa pulang piala kurnia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, piala iringan, medal berserta wang tunai sebanyak BND2,000.

Hadir menyaksikan perlawanan akhir tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Perlawanan dari awal memang kelihatan begitu ketara sekali didominasi dan dikawal oleh pasukan MOHA.

Pada separuh masa pertama pasukan MOHA mendahului jaringan gol pada minit ke-32, melalui Mohammad Alinur Rasyimi bin Awang Haji Jefri.

PMO kemudian cuba untuk mengatur serangan untuk menyamakan kedudukan tetapi gagal membolosi tembok pertahanan pasukan MOHA.

Usaha pasukan MOHA untuk

menambah jaringan muncul pada separuh masa kedua apabila Muhammad Hafis bin Haji Mahari menyumbat gol ke gawang pasukan PMO pada minit ke-46.

Pasukan MOHA terus menggasak PMO yang cuba untuk bertahan dan membalas serangan sehingga pada minit ke-85, MOHA meraikan gol ketiga yang sekali lagi dijaringkan oleh Mohammad Alinur Rasyimi menjadikan kedudukan 3 - 0 hingga ke wisel penamat.

Penyampaian hadiah kepada pasukan juara, MOHA disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin.

Sementara penyampaian hadiah kepada pasukan naib

juara, PMO dan tempat ketiga bersama iaitu Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (MCYS) disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi.

Naib juara dan tempat ketiga bersama masing-masing membawa pulang piala iringan, medal berserta wang tunai BND1,000 dan BND500.

Pada kejohanan tersebut, pemain dari pasukan MOHA, Muhammad Hafis dinobatkan sebagai penjaring terbanyak iaitu sebanyak sembilan gol.

Sementara penjaga gol terbaik diberikan kepada pemain dari PMO, Muhammad Najib bin Asri dan pemain terbaik disandang oleh pemain dari MOHA, Mohammad Alinur Rasyimi.

Kejohanan Piala Keputeraan 2025 merupakan anjuran Jawatankuasa Bola Sepak Piala Keputeraan 2025 dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persatuan Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 yang disertai oleh 11 buah kementerian.

Brunei DPMM FC gagal mara

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Tangkap Layar RTBG

KUCHING, Ahad, 14 September. - Kuching City FC menang bergaya ke atas Brunei DPMM FC dengan keputusan perlawanan berakhir 7 - 1 dalam laga Piala FA Malaysia 2025 yang berlangsung malam tadi di Stadium Sarawak, Kuching, di sini.

Kemenangan besar tersebut membawa mereka mara ke pusingan seterusnya dengan agregat 9 - 4.

Babak pertama perlawanan menyaksikan Kuching City FC lebih bijak mengatur serangan dan berjaya menjaringkan gol seawal minit ke-2.

Memanfaatkan kesalahan-fahaman antara barisan pertahanan pasukan pelawat, Ronald Ngah pemain penyerang asal Cameroon berkenaan, merebut bola lalu menyudahkan peluang tersebut dengan baik.

Pasukan tuan rumah terus

sahaja melakukan serangan demi serangan, seterusnya berjaya menggandakan jaringan mereka menerusi Danial Asri yang menanduk bola dengan baik, menewaskan penjaga gawang Brunei DPMM FC pada minit ke-14.

Brunei DPMM FC terpaksa bermain dengan 10 orang setelah pemain pertahanan mereka, Jordan Rodrigues dilayangkan kad merah setelah melakukan kekasaran ke atas Ronald Ngah.

Ronald Ngah melanjutkan aksi cemerlangnya dengan menjaringkan gol keduanya pada minit ke-46, tercipta hasil dari umpanan yang cantik dari sayap kanan.

Sementara pada separuh masa kedua pula menyaksikan pasukan tuan rumah terus sahaja mengawal permainan dengan baik dan berjaya menjaringkan gol

menerusi Ronald Ngah yang melengkapkan *hat-trick*nya pada minit ke-54.

Walau bagaimanapun, pasukan pelawat seterusnya berjaya menjaringkan gol pada perlawanan berkenaan menerusi Ramadhan Sananta pada minit ke-58.

Namun, hanya selang satu minit kemudian, Kuching City FC kembali menggandakan keunggulan mereka.

Ramadhan Saifullah memberikan hantaran lintang yang berbahaya ke dalam kotak penalti hingga mengelirukan penjaga gawang pasukan pelawat dan berhasil masuk ke gawang, tercatat sebagai gol untuk Ramadhan Saifullah.

Danial Asri seterusnya menjaringkan gol keenam bagi pasukan tuan rumah, apabila sekali lagi menjaringkan gol melalui tandukan jarak dekat pada minit ke-78.

Pemain asal Republik



DPMM FC gagal melayakkan diri ke peringkat seterusnya apabila tewas di tangan Kuching City FC, di Stadium Sarawak, Kuching.

Demokratik Timor-Leste, João Pedro, kemudian menggenapkan keunggulan besar pasukannya dengan mencetak gol terakhir pada minit ke-91 setelah ia memanfaatkan umpanan dari sepankan sudut dengan sempurna, menyelesaikan peluang itu melalui sepakan yang tajam dari

jarak dekat.

Keputusan perlawanan kekal 7 - 1 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Kuching City FC seterusnya akan menentang Penang FC atau Melaka FC untuk perlawanan suku akhir Piala FA Malaysia 2025.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERILMU, BERAMAL DAN BERAKHLAK BERLANDASKAN SUNNAH RASULULLAH